WADAH MENGEMBANGKAN MINDA GENERASI BAHARU THE NAVY PEOPLE

SAMUDERA

Welcome Aboard

Panglima Tentera Laut Ke-16

Fair Winds and Following Seas

Panglima Tentera Laut Ke-15



ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL.2/2015 ISSN 0127-6700

KANDUNGAN

3 DARI MEJA KETUA EDITOR
Sidang Redaksi

4 FOKUS

10 KHAS

14 KESIAGAAN
- Latihan Melawan Kebakaran Kapal TLDM Bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- Perolehan Bot Silverbreeze RHIB

16 EKSESAIS
- Eks FLASH MINT 16-1
- Majlis Pembukaan Eks PEACE AND FRIENDSHIP 2015
- Eks PEACE AND FRIENDSHIP 2015 Selesai Dengan Jayanya
- Eks NAGA EMAS 58/15
- Eks CARAT 2015

24 INFO IT

27 HARI INI DALAM SEJARAH

32 *UNSUNG HERO*

34 PENULIS TAMU

36 PRIHATIN
- Program Jiwa Murni KD DUYONG di Surau Kampung Luat Lenggong Perak
- Program Jiwa Murni Peserta Kursus Induksi Bintara Siri 3/15 Bersama Penduduk Kampung Pasir Panjang Laut

38 *NBOS*
- NBOS *Initiative*
- NBOS - PASKAL dalam Program Remaja Berwawasan
- Majlis Penutup Program Summer Camp 8/15 di PLKN Segari

41 PSSTLDM
- Latihan Penembakan Senjata Kecil dan Pengendalian KD SRI PINANG
- Konsep Kesukarelawanan Dalam Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM)

INFO DIDIK
- Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM Ke-25 tahun 2015
- Program Motivasi UPSR 2015
- Program Sentuhan Diri Mahasiswa
- *Spelling Bee*
- Tips Menghadapi Peperiksaan

50 BERITA SEMASA
- Latihan Ketenteraan Tahun Akhir Pegawai Kadet Kanan UPNM 2015
- Tim Penyelam KD DUYONG berjaya temui mayat mangsa kereta jatuh lombong
- Reunion RDP/JTP Siri 1/2015
- Pelayaran PL TUN SYARIFAH RODZIAH ke Lahad Datu Sabah
- Latihan Penembak AKAS TLDM di Kota Belud
- Lawatan FNS ACONIT ke Pelabuhan Klang
- Lawatan HMAS DECHAINUEX Erat Kerjasama Pertahanan TLDM-TLDA
- Lawatan Kapal USS EMORY S. LAND dan USS JACKSONVILLE di PTKK

56 TINTA ROHANI

58 TEKNOLOGI

60 INFO KESIHATAN

62 SUKAN

68 GALLEY SAMUDERA

70 SURAT PEMBACA



Kulit Hadapan:

Panglima Tentera Laut yang baharu, Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin mengambil alih tampuk pemerintahan tertinggi TLDM pada 18 Nov 15. Artikel di ruangan fokus muka surat 4.

Foto oleh PR Mk TL

AHOY!



Dari Meja Ketua Editor

Salam 1 Malaysia dan selamat bertemu kembali kepada pembaca setia Majalah SAMUDERA. Tarikh 18 Nov 15 mencatatkan satu lagi peristiwa penting dalam sejarah TLDM yang menyaksikan peralihan pucuk pimpinan tertinggi TLDM iaitu pelantikan Yang Berbahagia Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin sebagai Panglima Tentera Laut Ke-16 serta merupakan anak watan ke-12 menjadi Panglima Tentera Laut (PTL).

Di kesempatan ini, saya mewakili *the Navy People* ingin mengucapkan tahniah di atas kenaikan pangkat baharu dan seterusnya menjadi nakhoda untuk mengemudi TLDM ke arah kejayaan. Tahniah juga diucapkan kepada Timbalan Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Anuwi bin Hassan dan pegawai yang dinaikkan pangkat. Semoga kenaikan pangkat ini menjadi pemangkin semangat untuk melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang.

Semasa perutusan ulung PTL yang baharu, beliau menekankan tiga keutamaan seperti berikut:

a. Memastikan Armada TLDM sentiasa mengekalkan kesiagaan tertinggi untuk menghadapi sebarang cabaran semasa.
b. Membangunkan sebuah angkatan laut yang relevan dan memiliki kemampuan untuk menangani ketidaktentuan masa hadapan serta mampu mendokong dasar-dasar kerajaan dengan cemerlang.
c. Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga *Navy People* dan keluarga mereka, serta staf awam yang berkhidmat dengan tentera laut seterusnya menjadi tanda aras atau benchmark.

The Navy people juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdul Aziz bin Haji Jaafar di atas usaha beliau selama 7 tahun 7 bulan 17 hari memimpin TLDM. Pelbagai perubahan dalam aspek pelaksanaan operasi, peningkatan keupayaan dan pemantapan hubungan strategik telah diperkenalkan sepanjang pemerintahan beliau.

Majalah SAMUDERA pada kali ini turut memaparkan pelantikan Panglima Tentera Laut yang baharu, menyingkap sekilas majlis-majlis yang telah dilaksanakan oleh unit TLDM sempena pengunduran Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdul Aziz bin Haji Jaafar dan aktiviti-aktiviti yang telah berlangsung sepanjang suku tahun ketiga yang merangkumi eksesais dan sukan.

Akhir kata, harapan daripada sidang redaksi agar semua paparan penerbitan Majalah SAMUDERA kali ini dapat dihayati dan memberi manfaat untuk dikongsi bersama. Selain itu, saya juga berharap majalah ini akan menjadi salah satu daripada budaya mendokumentasikan rekod supaya boleh dijadikan rujukan pada masa hadapan. Justeru, demi mencapai matlamat, suka saya mengingatkan kembali ungkapan yang telah disampaikan oleh PTL semasa ucapan ulung beliau iaitu **"WE WILL TURN THE CHALLENGES INTO OPPORTUNITIES."**

Sekian dan salam hormat dari Sidang Redaksi.

SEDIA BERKORBAN

Sidang Redaksi



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Anuwi bin Hassan



KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Ganesh Navaratnam

EDITOR



Kept Syed Ahmad Hilmi bin Syed Abdullah TLDM



Kdr Saharudin bin Bongsu TLDM



Lt Kdr Fakhron Diyana binti Fakruddin TLDM



Lt Kdr Mohd Fared bin Mohd Arif TLDM



Lt Kdr Mohamed Muzaffar Shah bin Raja Mohamed TLDM



PW I PRL Normahaily binti Mohd Nor

PENGEDARAN

BK TMK Amran bin Md Julis
LK PNK Ahmad Alphanizam bin Ahmad Tamrad

REKA BENTUK

MIHAS GRAFIK SDN BHD
No. 9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Pengurusan Strategik
Markas Tentera Laut, Wisma Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR
Tel: 03-20713041 Faks: 03-26929407
Emel: majalahsamuderatldm@gmail.com

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan 'Wadah Mengembangkan Minda Generasi Baharu *the Navy People*'.

Perutusan Ulung
PANGLIMA TENTERA LAUT KE-16



بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera,

Segala pujian hanyalah bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu' alaihi Wassalam para sahabat dan keluarga Baginda.

Alhamdulillah saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya menyampaikan perutusan ulung ini, selaku Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia yang Ke-16. Saya menjunjung kasih dan taat setia kepada Seri Paduka Baginda yang diPertuan Agong di atas perkenan Baginda terhadap pelantikan ini. Saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera serta Ahli Majlis Angkatan Tentera Malaysia kerana memberi sokongan dan kepercayaan untuk saya menerajui TLDM yang amat kita kasihi.

Saya dengan penuh tawaduk memohon kehadrat Ilahi agar sentiasa diberikan taufik dan hidayahNya serta kekuatan untuk melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, bijaksana dan amanah. Saya bertekad untuk terus merangsang pencapaian dan kecemerlangan TLDM yang telah dipelopori oleh kepimpinan terdahulu.

Saya ibaratkan tugas dan amanah menerajui TLDM adalah seperti tugas seorang nakhoda yang memimpin dan mengemudi kapal. TLDM pula adalah institusi atau perkhidmatan yang dapat diumpamakan sebagai sebuah kapal. manakala *the Navy People* (**anda semua**) adalah anak kapal atau krunya yang membantu nakhoda dalam pengendalian kapal ini untuk sampai ke destinasi yang ditetapkan. Nakhoda atau Kepten Kapal sememangnya boleh bertukar pada bila-bila masa namun haluan pelayaran ke destinasi yang ditetapkan masih diteruskan.

Sebelum saya menyampaikan amanat dan arah pelayaran (sailing directions) sebagai Panglima Tentera Laut Ke-16, saya mengambil kesempatan ini bagi menegaskan komitmen saya untuk memimpin *the Navy People* dengan sebaik mungkin. Sebagai pemimpin tertinggi TLDM, saya berjanji untuk menegakkan nilai-nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan atau Kehormatan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan serta mempamerkan ciri-ciri integriti tertinggi dalam pelaksanaan tugas. Saya juga mahukan semua anggota tentera laut kita secara terbuka menyatakan komitmen mereka terhadap nilai-nilai teras tentera laut ini. Komitmen terhadap nilai teras ini juga mesti diterapkan kepada semua warga baharu tidak kira pegawai ataupun LLP sebaik sahaja mereka menyertai perkhidmatan.

Misi teras kita adalah untuk mencegah sebarang konflik di perairan negara. Bersama dengan sokongan Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), kita perlu memberi jaminan kepada rakyat dan rakan strategik serantau bahawa TLDM sentiasa akan melindungi kebebasan laluan maritim yang merupakan asas bagi kemakmuran sejagat.

Walaupun kita berhadapan dengan persekitaran yang mencabar dipengaruhi oleh faktor-faktor **politik, ekonomi, sosial dan keselamatan** serantau dan global, keutamaan dan tanggungjawab setiap Panglima Tentera Laut sejak penubuhan TLDM dari tahun 1934 masih kekal dan tidak banyak berubah sehingga ke hari ini. Apa yang mungkin berubah adalah cabaran dan pengharapan, oleh itu pendekatan baru perlu diambil bagi menangani cabaran-cabaran berkenaan. Pada masa yang sama kita juga perlu meningkatkan pemahaman dan kemahiran mengurus risiko-risiko yang berkaitan dengan cabaran-cabaran ini.

Tiga keutamaan saya sebagai Panglima Tentera Laut adalah seperti berikut:

a. Memastikan armada TLDM sentiasa mengekalkan kesiagaan tertinggi untuk menghadapi sebarang cabaran semasa.

b. Membangunkan sebuah angkatan laut yang relevan dan memiliki kemampuan untuk menangani ketidaktentuan masa hadapan serta mampu mendokong dasar-dasar kerajaan dengan cemerlang.

c. Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga *Navy People* dan keluarga mereka, serta staf awam yang berkhidmat dengan tentera laut seterusnya menjadi tanda aras atau *benchmark*.

Ketiga-tiga keutamaan ini akan kita realisasikan secara bersama berpandukan 10 Objektif Strategik yang dinyatakan di dalam Pelan Strategik TLDM 2013-2020. Saya dan rakan-rakan barisan kepimpinan akan meneruskan usaha dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz bin Hj Jaafar, Panglima Tentera Laut Ke-15. Saya ingin mengambil kesempatan ini, merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana di bawah kepimpinan progresifnya dalam tempoh lebih tujuh tahun yang lalu, pembaharuan yang telah diperkenalkan semasa pemerintahan beliau terutamanya daripada sudut pelaksanaan operasi, pembangunan keupayaan TLDM dan pemantapan hubungan strategik serta perubahan budaya dan lain-lain akan memudahkan saya mencarta haluan dan arah pelayaran yang lebih fokus dan bertepatan dengan tiga keutamaan pemerintahan yang saya gariskan.

Sesungguhnya, semangat dan kegigihan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz membuatkan TLDM berada di kedudukan yang lebih baik hari ini, tetapi itu bukan untuk mengatakan bahawa kita sudah sempurna dan boleh berpuas hati. Kita masih mempunyai banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk menggerakkan TLDM yang disanjung dan dikasihi ini ke hadapan. Dalam tempoh pemerintahan saya, berpandukan situasi semasa dan kehendak pihak berkepentingan (*stakeholders*), saya akan melakukan beberapa perubahan dalam pendekatan saya tetapi hala tuju dan destinasinya akan tetap sama. Hala tuju yang dimaksudkan adalah menjanjikan untuk TLDM; Perolehan aset-aset dan keupayaan baharu, meneruskan usaha menaik taraf infrastruktur sedia ada, memperkasakan kompetensi *the Navy People* dan mengoptimumkan teknologi maklumat dalam semua aspek pengurusan serta pentadbiran.

TLDM berhasrat mencapai visinya sebagai tentera laut bertaraf dunia pada 2020. Kita sedia maklum bahawa terdapat ramai di antara warga *the Navy People* yang tertanya, apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi pencerahan bahawa Visi TLDM menghasratkan kecemerlangan dalam semua yang kita lakukan dan juga dalam semua perspektif kewujudan kita: dalam erti kata lain; **Operasi Cemerlang Boleh Dicapai oleh Sebuah Organisasi yang Cemerlang Terdiri Daripada Warga yang Cemerlang**. Tentera Laut Diraja Malaysia yang cemerlang akan menjadi tentera laut bertaraf dunia. Saya amat berharap dengan penerangan ringkas ini, kita semua kini memahami dan menghayati maksud Visi TLDM dan jangan sekali-kali bertanggapan bahawa ia merupakan satu kenyataan retorik. Jika kita meneliti semula kesemua inisiatif yang telah diperkenalkan dalam TLDM oleh Mantan-mantan Panglima Tentera Laut sebelum ini, kita harus bersyukur kerana mereka telah mengemudi TLDM untuk berada di haluan yang betul bagi merealisasikan visi menjadi sebuah tentera laut bertaraf dunia menjelang tahun 2020. kita perlu terus **membudayakan kecemerlangan** di dalam semua aktiviti teras dan sekunder Markas, kapal dan unit masing-masing.

Keikhlasan dan kerjasama merupakan faktor kejayaan kritikal (*critical success factor*) untuk mencapai kecemerlangan menyeluruh di sesebuah Markas, kapal ataupun unit pangkalan. Nilai kerjasama hendaklah dipraktikkan secara ikhlas dan terbuka apatah lagi dalam organisasi seperti TLDM. Peribahasa yang menyatakan 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing' hendaklah dijadikan pedoman. Kerjasama perlu digerakkan sepanjang kita bertugas dan berjuang bersama-sama untuk mengekalkan kecemerlangan institusi seperti peribahasa 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh'.

Saya juga berpegang teguh bahawa setiap dugaan dan cabaran itu pastinya diiringi dengan hikmah dari Tuhan yang maha pengasih lagi maha penyayang. Oleh yang demikian, saya tidak sesekali beranggapan bahawa cabaran-cabaran yang bakal kita hadapi sebagai batu penghalang, sebaliknya ia merupakan suatu peluang untuk kita sama-sama membuktikan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia bahawa TLDM adalah anjal iaitu mampu mengadaptasi dan menghadapi pelbagai situasi dan keadaan dari semasa ke semasa. Dengan kata lain ***'we will turn the challenges into opportunities'.*** Namun demikian, saya juga sedar bahawa hasrat ini tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kita berusaha secara sendirian atau berasingan, sebaliknya ia memerlukan sokongan dan komitmen yang jitu dari semua peringkat pegawai dan anggota TLDM. Justeru, sejajar dengan keutamaan yang ditetapkan dan bagi menangani semua jenis cabaran masa kini dan masa hadapan, kita akan menumpukan perhatian dan penekanan kepada perkara-perkara dan inisiatif di **dalam kawalan kita** seperti berikut:

a. **Pertama: TLDM akan kekal menjadi penyumbang utama kepada pertahanan dan keselamatan maritim negara**.

Dengan itu, kita seharusnya memastikan *warfighting capabilities* atau keupayaan tempur TLDM sentiasa dikekalkan di tahap yang tertinggi. Walaupun kita dikekang oleh kekurangan kapal dan terpaksa mengoperasikan kapal-kapal yang kini berusia di antara 20 sehingga 45 tahun. Kita harus bijak dalam mendepani cabaran kekurangan dan keusangan ini melalui proses perekayasaan (*re-engineering process*) dan mengguna pakai pendekatan kreatif dan berinovatif.

Inisiatif-inisiatif seperti mengubahsuai kapal dagang dan pelantar minyak menjadi pangkalan di laut atau *sea bases* di perairan sabah timur adalah contoh-contoh terbaik pemikiran kreatif dan inovatif yang diilhamkan untuk mengatasi cabaran semasa. Konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) adalah alternatif yang wajar difikirkan. Kesemua usaha ini akan menyakinkan kerajaan, rakyat dan komuniti serantau bahawa TLDM berupaya menonjolkan keupayaan yang kredible dalam aspek cegah rintang (*deterrence*), kawalan laut (*sea control*) dan postur pertahanan bagi mencegah atau menangani sebarang konflik.

b. **Kedua: *the Navy People* dan staf awam akan kekal menjadi sumber terpenting dan faktor kejayaan kritikal (*critical success factor*) dalam mengekalkan kesiapsiagaan (*preparedness*), kesiagaan (*readiness*) dan keupayaan tempur TLDM.**

Justeru, kita perlu mengoptimumkan modal insan yang berpengalaman untuk memastikan semua penugasan teras dan sekunder yang dimandatkan kepada TLDM dilaksanakan dengan membudayakan prinsip-prinsip kepantasan dan ketepatan dalam tindakan, penghayatan integriti serta penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) berteraskan kreativiti dan inovasi yang akan membawa kepada peningkatan produktiviti dan nilai tambah. Prinsip-prinsip ini dirangkumkan kepada akronim yang dikenali sebagai CTI-PKI di mana CTI merupakan singkatan kepada Cepat, Tepat dan Integriti, manakala PKI merujuk kepada Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi.

CTI membawa falsafah bahawa TLDM tidak mampu lagi bergerak dengan mentaliti *business as usual* atau kerja seperti biasa. Saya berharap gabungan CTI dan PKI yang dipacu oleh kreativiti dan inovasi mencerminkan proses pembaharuan yang perlu dilaksanakan oleh kita seiring dengan pendekatan kebersamaan dan perkongsian; bukannya secara bersendirian atau berasingan. YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abdul Razak (2012) mengingatkan "dua akronim ini (CTI-PKI) mencerminkan proses pembaharuan yang perlu kita lakukan, supaya lebih inovatif, sebagai sebuah perkhidmatan kerajaan yang sentiasa mencari idea-idea baharu yang lebih bernas untuk rakyat." Oleh itu kita perlu melonjak dari pendekatan kerja seperti biasa kepada kerja secara luar biasa dalam mencari pembaharuan berimpak tinggi.

Dalam konteks TLDM, kita, *the Navy People* perlu berusaha melonjakkan TLDM menjadi tentera laut bertaraf dunia yang disegani bukan sahaja kepada pembangunan keupayaan dan teknologi tetapi juga kemajuan di dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan kerohanian. Fokus utama bagi pembangunan sedemikian bergantung kepada peningkatan dan pemantapan integriti dan tadbir urus serta pembudayaan nilai-nilai dan etika dalam diri kita sendiri.

c. **Ketiga: Panglima dan pihak pengurusan sama ada di peringkat strategik, operasional dan taktikal perlu kekal menangani kekangan bajet Perbelanjaan Pengurusan (OE) dan Pembangunan (DE) dengan menjadi lebih efektif dan efisien.** Sehubungan itu, kita perlu:

Mengadaptasi penggunaan teknologi dan konsep operasi baharu bagi meningkatkan kelebihan keupayaan tempur TLDM bagi menangani sebarang ancaman mahupun cabaran.

Mengekalkan keupayaan Armada kita melalui penyelenggaraan berkesan, pemodenan pada masa yang diperlukan (timely modernisation), dan perolehan aset sejajar dengan kemampuan negara. Dalam aspek ini, kita perlu memupuk budaya merancang dalam setiap aktiviti kita.

Meningkatkan keyakinan anggota TLDM terhadap kelengkapan serta kemahiran melalui pendekatan yang lebih berinteraktif dan menjimatkan.

Mengeratkan kerjasama strategik dan inovatif di antara agensi maritim dan swasta dengan TLDM melalui inisiatif strategi lautan biru bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan perairan maritim negara.

Mempertingkatkan perhubungan serta diplomasi ketenteraan dengan negara sahabat melalui kolaborasi dan perkongsian kepakaran serta maklumat bagi menangani ancaman bukan ketenteraan demi keamanan dan keselamatan maritim serantau.

Berdasarkan penjelasan yang telah disampaikan tadi, hakikatnya adalah TLDM amnya dan kita khasnya perlu merancang, melaksana, memantau, menilai dan menambahbaik tatacara pengoperasian armada dan pelaksanaan aktiviti harian kita menggunakan pendekatan yang baharu atau luar dari biasa serta fleksibel. Bagi memastikan kita sentiasa relevan dan dipercayai oleh pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan juga pelanggan kita. Maka apabila membuat sebarang keputusan, kita perlu membuat pertimbangan secara rasional berpandukan prinsip-prinsip utama (*tenets*) selari dengan peranan teras TLDM seperti berikut:

Kesiapsiagaan untuk bertempur. Bersiap sedia untuk berperang dan menang di hari ini, pada masa yang sama membangunkan keupayaan untuk menang di esok hari.

Sentiasa mengawal di samudera. Menyediakan opsyen-opsyen operasi yang inovatif untuk mencegah rintang (deter), mempengaruhi (influence) dan menang dalam keadaan ketidakpastian.

Sentiasa bersedia. Memanfaatkan semangat kerja berpasukan, bakat dan imaginasi *the Navy People* untuk sentiasa bersedia mempertahankan kepentingan negara dan mempamerkan sikap bertanggungjawab ke atas penggunaan sumber-sumber TLDM secara berhemat.

Setelah memperjelaskan 3 aspek keutamaan saya, dituruti dengan 3 perkara yang kita perlu tumpukan bagi menyokong keutamaan ini serta menyenaraikan 3 prinsip-prinsip utama yang perlu dipertimbangkan untuk mencarta haluan TLDM ke arah pelayaran yang ditetapkan, saya kini ingin menyampaikan pengarahan atau *direction and guidance* saya:

Fungsi teras kita ialah mempertahankan kedaulatan dan kepentingan maritim negara. Oleh kerana itu tanggungjawab asas kita semua adalah untuk menambah baik dan membangunkan keupayaan armada, modal insan dan struktur organisasi.

The Navy People adalah nadi TLDM. Kita di peringkat kepimpinan mempunyai obligasi untuk menzahirkan

perjanjian dengan anggota TLDM, staf awam dan keluarga mereka - untuk memimpin, melengkapi, melatih dan memotivasi mereka.

Pendekatan beroperasi kita harus berkonsepkan kebersamaan (jointness) atau gabungan (combined) apabila mungkin. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara maritim, kita dikelilingi laut dan TLDM semestinya dapat beroperasi secara bebas (independently) apabila perlu.

Rakan kongsi utama kita bersama adalah TDM dan TUDM sementara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim yang lain adalah rakan bersepadu. Kita mesti terus memajukan jaringan untuk memantapkan dan memperkembangkan keupayaan beroperasi bersama dan bersepadu.

Sama ada di laut mahu pun di darat, kita mesti bersedia untuk mengkaji semula dan menambahbaik setiap peranan, program dan tradisi jika terdapat dasar, prosedur, ataupun amalan yang tidak lagi menyumbang atau menjadi sebahagian daripada elemen teras misi kita.

Kita perlu memastikan TLDM hari ini bersedia untuk misi yang diberikan. Menyelenggara kapal dan pesawat secara berkesan akan memastikan aset-aset ini dapat dioptimumkan penugasan sehingga tempoh riwayat perkhidmatan (expected service lives) atau menjangkauinya dan merupakan sumbangan kritikal kepada keupayaan armada.

Nilai Teras TLDM mendefinasikan kita dan juga menerangkan *standard* untuk perwatakan dan tingkah laku. Segala perbuatan ketidakpatuhan sama ada kecil mahu pun besar akan memberi impak negatif terhadap *the Navy People* dan TLDM. Kes-kes integriti yang dilaporkan melalui media sosial, cetak dan elektronik bukan hanya menjejaskan imej TLDM bahkan ia mencemarkan reputasi semua warga TLDM yang lain. Oleh itu kita harus memerangi gejala rasuah dan elakkan ketirisan. Sesunguhnya jawatan dan pangkat adalah amanah dari Allah dan ianya akan dihitung atau disoal di akhirat nanti.

Kita mesti berkomunikasi secara efektif dan menyampaikan pengarahan, panduan, hasrat serta ekspektasi dengan jelas sama ada kepada *the Navy People* mahu pun kepada mereka yang di luar sana. Kegagalan berkomunikasi secara efektif akan mewujudkan ketidakpastian, keraguan, ketidakpercayaan, ketegangan dan pelbagai lagi persepsi negatif yang akan menjejaskan kecemerlangan organisasi.

Saya percaya selain daripada menurunkan kuasa kepada Panglima, Pegawai Memerintah dan Pegawai Waran Markas, kita akan melatih dan memberi kuasa kepada pemimpin-pemimpin ini setimpal tanggungjawab mereka.

Saya ingin menegaskan bahawa setiap aktiviti yang dilaksanakan perlu diukur prestasinya dan dianalisis pulangan pelaburannya bagi menentukan setiap perbelanjaan memberikan manfaat (value for money) serta menghasilkan *output* dan *outcome* yang berimpak tinggi kepada kesiagaan TLDM. Jika perkara ini tidak dilaksanakan maka kita tidak tahu sama ada bajet yang diperuntukkan telah dapat dibelanjakan secara optimum dan efektif. **Melalui perbelanjaan yang bijak dan terancang, sumber kewangan yang terhad akan dapat dioptimumkan** bagi menentukan kesiagaan aset dan kesejahteraan warga *the Navy People* terpelihara.

Oleh kerana ini, TLDM telah memperkenalkan kerangka Pengurusan dan Pengukuran Prestasi TLDM (*RMN Performance Management & Measurement Framework*) menggunakan *metodologi Balanced Scorecard*. Hasilnya adalah Pelan Strategik TLDM 2013 - 2020 yang melata dan menjajarkan hala tuju peringkat strategik kepada operasional dengan taktikal. Walau bagaimanapun, saya mendapati pemahaman mengenai PS 1320 ini di kalangan pegawai kanan, pegawai, pegawai waran, bintara dan lasykar masih kurang dan oleh itu perlu dipertingkatkan. Setiap peringkat *the Navy People* seharusnya mengetahui bagaimana peranan masing-masing menyumbang kepada Pelan Strategik ataupun PS 1320.

Saya merancang untuk melaksanakan penjenamaan (branding) TLDM supaya pihak berkepentingan (stakeholders) lebih memahami dan akur mengenai peranan dan sumbangan TLDM kepada kerajaan dan rakyat khususnya. Penjenamaan ini akan dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif mempertingkatkan imej dan program-program tentera laut dengan awam (outreach) yang dinamik secara bersemuka mahupun atas talian.

Akhir sekali, saya berharap dan menyeru setiap *the Navy People* tidak kira peringkat atau pangkat untuk membuka minda dan **bekerja bersama saya**, dalam memastikan TLDM akan sentiasa bersiap sedia dalam semua aspek sepanjang masa. Saya berharap bahawa perkara-perkara yang saya sampaikan ini tidak dianggap sebagai kenyataan yang bersifat **retorik**. Saya akan memastikan setiap kenyataan yang telah disampaikan kepada anda semua akan diperjelaskan dengan lebih terperinci melalui pengarahan lanjutan bagi memperjelaskan peranan, dan tanggungjawab kita dapat dihayati. Kita**,** *the Navy People* perlu memastikan bahawa setiap arahan, peraturan, prosedur dan proses kerja dipatuhi dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. **Komitmen, dedikasi** dan **keikhlasan** kita akan memastikan TLDM sebagai sebuah kapal yang dinakhoda oleh saya pada akhirnya akan berupaya sampai ke destinasi dan dalam masa yang ditetapkan dengan selamat.

Saya berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa melindungi dan merahmati TLDM, tuan-tuan dan puan-puan sekeluarga.



BIOGRAFI

Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin

YBhg Laksamana Dato' Seri Ahmad Kamarulzaman Hj. Ahmad Badaruddin mengambil alih tampuk pemerintahan tertinggi TLDM bermula 18 Nov 15 dan menyerahkan tugas Timbalan Panglima Tentera Laut yang disandang beliau sejak 15 Nov 13 kepada YBhg Laksamana Madya Dato' Anuwi Hassan.

Laksamana Dato' Seri Ahmad Kamarulzaman memasuki perkhidmatan TLDM pada 24 Februari 1977 selepas menamatkan pelajaran di Maktab Tentera Diraja. Beliau merupakan anak watan ke-12 memegang tampuk pemerintahan TLDM. Pelantikan beliau membuktikan ketokohannya amat diyakini oleh pengurusan tertinggi TLDM untuk menerajui pengurusan dan pentadbiran TLDM di tahap yang membanggakan.

Sepanjang perkhidmatan, beliau telah memegang beberapa jawatan utama dalam TLDM antaranya Panglima Armada di Pangkalan TLDM Lumut, Panglima Wilayah Laut 2 di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi di Markas Tentera Laut dan Panglima Angkatan Bersama serta Timbalan Panglima Tentera Laut. Perkhidmatan terakhir beliau di laut adalah sebagai Pegawai Memerintah KD JEBAT (FFG 29).

Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman adalah lulusan daripada Naval War College, Newport, Rhode Island dan juga Distinguished Graduate of the Fu Hshing Kang College, Republic of China in Political Warfare. Beliau juga menghadiri *International Surface Warfare Officer's Course* di Naval Amphibious School di Coronado, San Diego. Beliau juga merupakan lulusan *Principle Warfare Officer* dari HMS DRYAD, Portsmouth, United Kingdom.

Beliau turut menghadiri program pengajian di Australia dan Amerika Syarikat. Manakala di peringkat nasional pula, beliau telah menghadiri *International Crisis Management Course* di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kuala Lumpur dan pelbagai program pengajian tentera yang lain baik. Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman merupakan seorang Jurucakap bagi Keselamatan Maritim dan telah terlibat dalam beberapa seminar dan persidangan termasuk *Asean Regional Forum* (ARF) di India dan Kuala Lumpur, U.S *Military Operations* (MILOPS) *Conference* di Singapura, *International Maritime Organization* (IMO) *Conference* di Jakarta, *Littoral Defense Conference* di Singapura, *Electronic Warfare Coference* di London dan MIMA *International Conference* di Kuala Lumpur.

Beliau memperolehi ijazah MBA dari University of Strathclyde Business School, Scotland dan MA dalam Pengajian Pertahanan dan Hubungan Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menamatkan Program Eksekutif Pengurusan Perniagaan tahun 2009 di Keenan-Flagler Business School, Universiti of North Carolina, USA. Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman telah menerima beberapa pingat Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Beliau merupakan orang pertama yang menerima Pingat Kepujian Panglima Tentera Laut.

Peralihan Tampuk Pemerintahan Tertinggi TLDM

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor
Foto: PR Markas Tentera Laut



Simbolik... Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz menyerahkan teleskop kepada Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman sebagai tanda penyerahan pucuk pimpinan TLDM



Pemakaian pangkat PTL oleh MENHAN dan PAT



Menandatangani Watikah Pelantikan

Suasana pilu menyelubungi Auditorium Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) ketika Menteri Pertahanan (MENHAN), YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein menurunkan *Insignia* Pemerintah yang tersemat di dada YBhg Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz Hj Jaafar menandakan berakhirnya khidmat Panglima Tentera Laut (PTL) Ke-15 itu sebagai tampuk pemerintah tertinggi TLDM.

18 Nov 15 menyaksikan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz mengakhiri sumbangan bakti yang tidak ternilai lebih empat dekad. Beliau menyerahkan teraju pemerintahan yang dipikul lebih enam tahun itu kepada YBhg Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin dalam majlis penuh istiadat dan tradisi tentera laut yang turut disaksikan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha KEMENTAH, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj Zulkifeli Mohd Zin. Hadir sama, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

Lebih bermakna, majlis bersejarah itu turut dihadiri rakan sejawat beliau, mantan Kepala Staf TNI Angkatan Laut (KASAL), Laksamana TNI Dr. Marsetio. Meskipun telah bersara pada 31 Dis 14, hubungan baik antara Laksamana TNI Marsetio dan Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz jelas masih utuh. Kehadiran beliau bersama isteri dari seberang untuk menyaksikan upacara penuh gilang-gemilang itu membuktikan kedua-dua mantan mempunyai hubungan yang sangat akrab.

Terdahulu, Majlis Serah-Terima Tugas Panglima Tentera Laut dimulakan dengan Upacara Menandatangani Nota Serah Terima Tugas Yang Dipertua Majlis Sukan Angkatan Tentera (MSAT) di antara Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz dengan Yang Mulia Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat.

Lensa media terus tertumpu di ruang pentas untuk merakam detik-detik bersejarah pelantikan PTL baharu yang menyaksikan Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman dipakaikan pangkat Laksamana oleh MENHAN dan turut disaksikan oleh PAT. Ia kemudiannya disusuli dengan Upacara Menandatangani Nota Serah-Terima Tugas di antara Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz dan Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman. Acara terus berlangsung penuh istiadat dengan kedua-dua pemimpin menandatangani Watikah Pelantikan sebelum Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz menyerahkan Teleskop kepada Laksamana Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman sebagai simbolik Penyerahan Pucuk Pimpinan TLDM kepada PTL baharu.



Akrab... Persahabatan Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz dan Laksamana TNI Dr. Marsetio mengukuhkan hubungan bilateral tentera laut Malaysia dan Indonesia



PAT menerima buku Memoir PTL Ke-15 daripada Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz



Kenangan bersama KSU dan Panglima Perkhidmatan



Lambaian terakhir daripada Mantan PTL dan isteri

Lokasi upacara kemudiannya beralih ke Dataran Wisma Pertahanan di mana Kawalan Kehormatan Utama (KKU) siap sedia untuk memberi penghormatan terakhir kepada Mantan PTL sebelum beliau meninggalkan perkhidmatan. Mantan PTL yang diiringi Panglima Tentera Laut naik ke pentas untuk menerima tabik hormat daripada KKU.

Semangat keperwiraan dan kebanggaan jelas terpancar di wajah Laksamana Tan Sri (Dr.) Abdul Aziz ketika Pasukan Pancaragam Pusat TLDM memainkan lagu Perajurit Tanahair semasa beliau berjalan masuk untuk melakukan pemeriksaan ke atas barisan kawalan. Namun, beliau dilihat tidak dapat menahan sebak semasa lagu kedua, Pahlawanku dialunkan dan turut menggamit rasa yang sama dalam kalangan warga *Navy People* yang hadir. Selesai acara, Komander Bertugas (KB) melapor kepada mantan PTL sebelum menaiki RHIB KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN untuk acara kemuncak, *Lining the Street*. KB memberi arahan *Pipe the Still* setelah Mantan PTL bersama isteri, YBhg Puan Sri Sarah Ab Ghafar menaiki RHIB. Pasukan Pancaragam Pusat TLDM di bawah pimpinan Lt Mohd Shamram Ramli TLDM sekali lagi mengiringi acara dengan lagu selamat Tinggal Bungaku. Suasana hening seketika. Seribu satu macam perasaan dapat dirasakan oleh warga *the Navy People* sepanjang RHIB ditarik sehingga ke gerbang utama Wisma Pertahanan. Jelas dilihat kesayuan di wajah Mantan PTL dan isteri apabila turun dari RHIB untuk menaiki kereta khas. Doa dibacakan bagi mengiringi pengunduran beliau sebelum KB melapor dan memberi arahan *Pipe the Carry On*. Mantan PTL bersama isteri meninggalkan pekarangan Kementerian Pertahanan diiringi teriakan “Sedia Berkorban!”



Upacara *Lining the Street*











LAMBAIAN TERAKHIR...

Puan Sri Sarah
Detiknya kini telah tiba
Kau melangkah penuh redha
Menuju ke garisan sana
Yang bakal menjurangi kita
Begitulah takdir sudah terencana
Hari ini bertentang mata
Esok pula kau telah tiada

Puan Sri Sarah
Hadirmu umpama permata
Menyinar indah segenap maya
Menerang jalan kala gelita
Menyuluh lorong di kelam suasana
Menyeri hiba setiap jiwa
Mencoret rasa pelbagai warna
Di kanvas kehidupan manusia
Yang bergelar ahli BAKAT Laut

Puan Sri Sarah
Namamu sentiasa di bibir
Kebaikanmu sentiasa terukir
Janjimu tak pernah mungkir
Budimu sentiasa mengalir
Jasamu pula takkan bisa terhakis
Walau masa kian menyingkir
Kasihmu tetap dekat dan hampir

Wahai Puan Sri yang kami kasihi,
Pergimu kami tangisi
Hilangmu sukar diganti
Namun apa yang pasti
Yang patahkan tumbuh lagi
Yang hilang pasti berganti
Kepadamu kini wahai Datin Seri
Tempat kami mengubat hati

Untukmu wahai Puan Sri
Doa kami akan sentiasa mengiringi
Semoga Allah sentiasa memberkati
Ke mana pergi dilindungi Ilahi
Di sini janji telah terpatri
BAKAT Laut akan terus berbakti
Demi nusa dan juga pertiwi

Nukilan Rasa:
Lt Kdr Azlina TLDM
PS2A SELWA

LANGKAH YANG TERHENTI

1996...
Perjalanan hidup ku baru bermula
Lorong demi lorong ku tempuhi
Jalannya cukup panjang dan penuh rintangan
Tetapi,
Demi sebuah cinta yang kian membara
Ku harungi setiap detik dengan rela
Suka duka ku lewati tanpa lelah
Manisnya membekas menutup lara
Pahitnya hilang ku kunyah lumat
Pengalaman demi pengalaman
Coretan demi coretan
Memenuhi kanvas peribadiku
Jejak ku kian jauh
Melakar beribu cerita
Buat bualan di kala tua

2006
Aku kini semakin matang
Rupanya bukan mudah menggapai pelangi
Awan mendung pasti menghampiri
Tak semua dicita menjadi realiti
Tak semua pengharapan dapat dipenuhi
Adakalanya jatuh tarsandung kaki
Hanya kecekalan mengubat hati
Pantas bangun walau sendiri
Kerana semuanya ku yakini
Punya erti dan pengajaran yg hakiki
Tak pernah sekali ku kesali
Walau perit tetap ku hadapi....

2016
Kini, titik noktah kian jelas di depan mata
Segalanya bakal ku akhiri jua
Walau mungkin sebentar cuma
Namun aku puas berbakti untuk nya
20 tahun mungkin tiada apa
Bagi mereka yg lebih lama
Tekad ku kini semakin nyata
Sesuatu yang pernah terabai kini menuntut haknya
Kembali ke fitrah seorang bonda
Anak-anak menjadi agenda utama...
Pengorbanan ini pastinya istimewa
Perkhidmatan tercinta ku tinggalkan demi keluarga
Langkahku mungkin terhenti di sini
Hakikatnya TLDM tetap di hati
Sampai bila-bila kan terus bersemadi
Membawa kenangan yang terus bersemi.....

Nukilan Rasa:
etam_aaz - Nov 15



LATIHAN MELAWAN KEBAKARAN KAPAL TLDM BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Oleh: PW I TMK Kannalan a/l Rajoo

Satu latihan melawan kebakaran di kapal bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah dilaksanakan pada 6 Ogos 15 kira-kira jam 11 pagi di KD MAHAWANGSA.

Latihan ini melibatkan beberapa unit di Pangkalan TLDM Lumut dan tiga Balai Bomba dan Penyelamat (BBP). Unit-unit tersebut adalah 96 HAT, Pasukan Bomba KD MALAYA dan PROTELA Lumut. Manakala tiga BBP yang terlibat adalah BBP Seri Manjung, Sitiawan serta Seri Iskandar. Bahagian Kesiagaan Markas Pemerintahan Armada telah bertindak sebagai Penyelaras Latihan. Pecahan jumlah penglibatan dalam latihan kebakaran ini adalah seramai 50 pegawai dan anggota TLDM dan 45 pegawai dan anggota JPBM.

Objektif utama latihan melawan kebakaran ini adalah untuk meningkatkan kompetensi dan koordinasi antara TLDM dan JBPM semasa menghadapi insiden kebakaran di kapal. Selain itu, ia juga adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada JBPM berhubung prosedur melawan kebakaran TLDM dan situasi melawan kebakaran di kapal TLDM.

Latihan bersepadu ini telah dimulakan dengan ucapan dan amanat daripada YBhg Panglima Armada Laksamana Madya Dato' Mohamad Roslan Mohamad Ramli. Turut hadir menyaksikan latihan ini adalah Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak, Penguasa Kanan Bomba 1 Hasmin Hasbi.

Latihan ini bermula dengan kebakaran kecil di Bilik Bateri yang seterusnya merebak ke bilik dan kompartmen bersebelahan. Latihan ini juga menyaksikan aktiviti serah terima tugas oleh Pegawai Bertugas Harian KD MAHAWANGSA kepada Pasukan Bomba KD MALAYA dan Pasukan JBPM untuk mengetuai usaha melawan kebakaran tersebut. Semua warga TLDM dan JBPM telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi semasa latihan dilaksanakan.

Latihan ini disusuli dengan Mesyuarat *Post Mortem* yang dilaksanakan untuk mengenal pasti pemerhatian, teguran dan cadangan penambahbaikan untuk latihan melawan kebakaran pada masa hadapan. Cadangan untuk penambahbaikan adalah seperti berikut:



Peralatan bantuan MKMA yang digunakan

(a) Mewujudkan *Fire Fighting Incident Board* di jeti yang merangkumi maklumat *Kill Card* bagi setiap kapal, senarai peralatan melawan kebakaran, susun atur jeti, penglibatan bomba, status kebakaran, *jetty fresh water cabling layout*, *jetty cabling layout* dan *jetty fuel piping layout*.

(b) Mewujudkan Pusat Kawalan Operasi Bersama atau *Control Room* di Bangunan Bosun Armada.

(c) Melaksanakan *Table Talk* sebelum latihan untuk mengkoordinasikan pelaksanaan latihan, meningkatkan pemahaman dalam melaksanakan tanggungjawab dan mengelakkan kekeliruan semasa latihan dilaksanakan.

(d) Ketua JBPM Zon 3 Negeri Perak juga menjemput Pasukan Bomba KD MALAYA untuk bersama-sama terlibat dalam latihan melawan kebakaran yang akan dikendalikan oleh JBPM di luar kawasan Lumut seperti Seri Manjung dan Sitiawan untuk bertukar ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam aspek melawan kebakaran.

Kesimpulannya

Latihan kebakaran ini telah memberi nilai tambah kepada unit TLDM dan JBPM yang terlibat dari segi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman. Latihan ini juga secara tidak langsung telah mengeratkan hubungan dan kerjasama di antara TLDM dan JBPM.



Seiring dengan Visi TLDM untuk menjadi sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia, Armada TLDM dilengkapkan dengan perolehan lima buah *Speed Boat* jenis Silverbreeze RHIB. Kontrak perolehan Bot Silverbreeze yang bernilai RM 6,412,500 ditandatangani oleh Wakil Kerajaan Malaysia dan Syarikat Destine Mei Sdn Bhd pada 17 Nov 2014. Kontrak yang telah ditandatangani tersebut meliputi perolehan sekaligus membekal, menghantar menguji dan mentauliahkan lima buah Speed Boat jenis Silverbreeze RHIB untuk TLDM.

PEROLEHAN BOT SILVERBREEZE RHIB

Oleh: Lt Dya Mohd Yusri bin Nawi TLDM


Perolehan ini dilihat sejajar dengan cadangan MAWILLA 2 untuk mewujudkan Skuadron Bot Pemintas untuk meningkatkan keberkesanan TLDM dan keperluan operasi yang semakin meningkat di perairan Sabah. Bot yang mampu bergerak pantas dan mudah dikendalikan di perairan cetek ini akan membantu tugas CB90 dan akan dioperasikan dengan bantuan kapal Induk. Bot Silverbreeze tersebut akan dioperasikan sebagai Skuadron Bot Pemintas 2 di sekitar perairan Sandakan dan diletakkan di bawah sokongan Markas Pangkalan TLDM Sandakan (MPTS).

Dua buah bot telah selamat tiba di KD SRI SANDAKAN pada 20 Jun 15 dihantar menggunakan KD MAHAWANGSA manakala baki 3 buah bot tiba pada 7 Sep 15 dihantar oleh KD SRI INDERASAKTI. Setiap bot dianggotai oleh 3 orang krew dan Skuadron Bot Pemintas 2 tersebut diketuai seorang Komander Bot Tempur (KBK SB).

Kursus pengendalian dan pengoperasian bot selama lima hari bagi krew bot telah dikendalikan oleh Syarikat Destine Mei Sdn Bhd dengan kerjasama Syarikat Amenkey Teknik Sdn Bhd. pada 10-14 Ogos 15. Kursus selama tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada krew bot mengenai pengenalan asas Bot Silverbreeze, rutin pembaikan dan *Standard Operational Procedure* (SOP) bot, serta latihan praktikal pengendalian bot di laut.

Perolehan aset baharu penting bagi memastikan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berupaya untuk memastikan kesiapsiagaan aset-aset tempur berada di tahap tertinggi. Asisten Ketua Staf Perancangan Pembangunan Markas Tentera Laut, Laksamana Muda Datuk Pahlawan Syed Zahiruddin Putra Syed Osman berkata, perolehan aset baru merupakan suatu keperluan untuk memenuhi tuntutan dan cabaran pengoperasian semasa berdasarkan kemampuan perbelanjaan kerajaan.

"Selain perolehan aset TLDM juga sentiasa memastikan tahap kesiapsiagaan anggotanya turut berada pada tahap tertinggi," katanya ketika berucap pada sambutan Hari TLDM ke-81 yang bertemakan 'TLDM Siaga, Perairan Terpelihara' yang lalu. TLDM juga katanya, terus memperkukuhkan kerjasama dan persefahaman dengan tentera laut di negara serantau melalui pelbagai program dua hala selain perhubungan dengan masyarakat yang dilaksanakan menerusi program Strategi Lautan Biru Kebangsaan.



Kursus Pengendalian Bot Silverbreeze

EKS FLASH MINT 16-1
PERTINGKAT KEUPAYAAN OPERASI BERSAMA PASKAL, USN SEAL

Oleh: Kdr Rosli bin Rejab TLDM

Eks FLASH MINT 16 – 1 (EFM 16 -1), merupakan siri eksesais bersama yang dirancang setiap tahun di antara Pasukan Khas (PASKAL) dan US SEAL. Eksesais telah dilaksanakan semenjak tahun 80an hingga kini bermatlamat untuk menguji dan mempertingkatkan keoperasian bersama dalam melaksanakan operasi khas maritim. Unit yang terlibat adalah Unit 1 PASKAL (KD PANGLIMA HITAM) dan *Naval Special Warfare Unit* 1 US SEAL yang berpangkalan di Guam Amerika Syarikat.

Eksesais pada 2015 dilaksanakan berlainan dari siri sebelumnya. Eksesais telah dianjurkan oleh Markas Angkatan Bersama - J7. Eksesais secara *single service* masih dikekalkan seperti, *Balance Mint* (GGK) dan *Taek Mint* (PASKAU). Di akhir eksesais kesemua pasukan khas digabungkan untuk melaksanakan *Final Training Exercise* di Task Force 503 Askar Wataniah, Pekan Pahang. Eksesais ini dinamakan *Inter Service Joint Combined Exchanged Training* (IJCET) 2015. Untuk IJCET 2016 PASKAL akan menjadi tuan rumah.

EFM 16 – 1 dilaksanakan dalam 3 fasa iaitu fasa satu melibatkan persiapan iaitu majlis pembukaan yang dirasmikan oleh Panglima PASKAL dan seterusnya perbincangan Ketua Tim dan Taklimat Keselamatan. Fasa dua merupakan fasa pelaksanaan atau praktikal yang mana semua unsur terlibat akan menjalani fasa latihan praktikal berpandukan *Schedule of Event* (SOE) yang telah dirancang. Manakala fasa tiga merupakan fasa akhir melibatkan *hot wash up,* taklimat selesai eksesais dan menyiapkan laporan eksesais dilaksanakan di KD PANGLIMA HITAM.

EFM 16-1 adalah bertujuan untuk *"to develop the exercise framework for the* PASKAL *and* US SEAL *in the conduct of joints operations in a multi threat environment and the enhance interoperability and strengthen relationship between both special force".* Empat objektif utama eksesais telah digariskan. Antaranya ialah meningkatkan kesefahaman di antara PASKAL dan US SEAL, meningkatkan skil individu, taktik dan prosedur yang sedia ada melalui perbincangan bersama ketika pelaksanaan latihan,



Military Free Fall diadakan di Padang Terbang Sitiawan

meningkatkan kemahiran/ keupayaan anggota PASKAL dan mengeratkan tali persahabatan di antara anggota-anggota PASKAL dan US SEAL. Latihan dilaksanakan melibatkan *Jungle Training* di Hutan Simpan Beruas , *Advance Shooting/ Sniper Training di* LISRAM Pulau Langkawi*, Special Ship Boarding & Combat Rubber Raiding Craft* (CRRC) di Perairan Pulau Pangkor*, Military Free Fall* di Sitiawan dan *Small Amphibious Raids* di Teluk Senangin.

Unit yang terlibat dalam memberi sokongan bantuan logistik dan pentadbiran adalah Bahagian Operasi dan Eksesais-Markas Tentera Laut, Bahagian Operasi dan Eks-Markas Pemerintahan Armada, Markas Pemerintahan Operasi Udara, Bahagian Ops/ Eks-Markas Pasukan Khas Laut, Markas Wilayah Laut 3, Markas Udara TLDM, Skn 501/502, HAT 96 dan NSD.

Hakikatnya secara realiti keupayaan, kemahiran dan kesiagaan PASKAL adalah setanding dengan SEAL, ini dapat diukur dan dinilai pada pelaksaaan eksesais. Di samping perbelanjaan yang diperuntukan dapat memberi *Return of Investment* (ROI) kepada pasukan dan TLDM.



Special Ship Boarding dilaksanakan di KD MAHAWANGSA



Taklimat keselamatan diberikan oleh Ketua Tim Gempur sebelum latihan dilaksanakan



Latihan Ikhtiar Hidup di Hutan Beruas

MAJLIS PEMBUKAAN EKS PEACE AND FRIENDSHIP 2015

Oleh :Lt Ahmad Aliffathi bin Ahmed Fathi TLDM
Foto :Markas Pemerintahan Armada



Warga *People Liberation of Army* dan Angkatan Tentera Malaysia yang hadir

Subang, 18 Sep 15 – Majlis pembukaan Eks PEACE AND FRIENDSHIP 2015 telah rasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli bin Mohd Zin pada 18 Sep 15 jam 1130 di Pangkalan Udara Subang. Majlis turut dihadiri oleh Duta Besar China di Malaysia, Dr Huang Huikang, *Deputy Chief of General Staff People Liberation of Army*, Leftenan Jeneral Yi Xiaoguang, Timbalan Panglima Tentera Laut (TPTL), Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin beserta pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang lain.



Pertukaran tanda kenangan di antara ATM dan PLA

EKS PEACE AND FRIENDSHIP 2015 merupakan eksesais yang julung kali dilaksanakan di antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PLA, China mulai 16 sehingga 22 Sep 15 bertempat di perairan Selat Melaka. Eksesais ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan saling khidmat dalam perancangan dan pelaksanaan operasi bersama dan gabungan di antara kedua-dua Angkatan Tentera.

Eksesais ini akan dilaksanakan secara *Field Training Exercise* (FTX) di peringkat operasional dan taktikal dan bertemakan Humanitarian Assistance and Disaster Relief (HADR). Markas Angkatan Bersama (Mk AB) merupakan penganjur dan bertanggungjawab terhadap urusan perancangan serta pentadbiran eksesais untuk tahun ini.

TLDM terlibat secara langsung dalam eksesais ini yang melibatkan KD JEBAT, KD MAHAWANGSA, KD KELANTAN, Pesawat Super Lynx, Bot Tempur 90 dan Tim PASKAL. Kesemua aset TLDM telah tiba di Jeti Pusat Hidrografi Nasional (PHN) pada 16 Sep 15 jam 1800. Manakala, penglibatan aset maritim negara China adalah PLA-N PEACE ARC Hospital Ship, PLA-N LANZHOU dan PLA-N YUEYANG. Mereka tiba dengan selamat di Jeti Boustead Cruise Centre pada 17 Sep 15 jam 1000.







Ketibaan Kapal PLA-N YUEYANG di Boustead Cruise Centre



Ketibaan PLA-N Hospital Ship Ark Peace

EKSESAIS PEACE AND FRIENDSHIP 2015
SELESAI DENGAN JAYANYA

Oleh: Lt Ahmad Aliffathi bin Ahmed Fathi TLDM
Foto: PR Markas Pemerintahan Armada

Subang - EKSESAIS PEACE AND FRIENDSHIP 2015 telah melabuhkan tirai dengan jayanya pada 22 Sep 15. Upacara penutup Eks Peace and Friendship 2015 telah disempurnakan pada jam 1506H yang berlangsung di Dewan Ababil, Pangkalan Udara Subang.



Delegasi bersalaman dengan Pegawai Memerintah PLA-N Hospital Ship



Delegasi berinteraksi dan beramah mesra antara satu sama lain



Perbincangan Pegawai Operasi



Peserta dari Sel Maritim

Upacara ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Datuk Wira Mohd Johari Baharum dan disaksikan oleh Pemangku Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Roslan Saad TUDM, Deputy Chief of General Staff People Liberation of Army, Leftenan Jeneral Yi Xiaoguang, Duta Besar China di Malaysia, Dr Huang Huikang, Pegawai Kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta para peserta eksesais.

Pelbagai latihan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dalam menjalankan eksesais secara bersama. Latihan fasa laut telah dilaksanakan mulai 19 hingga 21 Sep 15. Antara latihan yang telah dilaksanakan adalah Combined Joint Escort, Cross Deck Landing, Combined Joint Rescue of Hijacked Vessel, GUNEX, Combined Joint SAR, PHOTEX dan Personnel Exchange Programme.



Helikopter Harbin mendarat di atas KD JEBAT




Helikopter Super Lynx mendarat di atas PLA-N LANZHOU

Eksesais ini telah mencapai objektif yang telah digariskan. Kesemua siri latihan telah dilaksanakan dengan jayanya tanpa ada sebarang kemalangan dan kejadian yang tidak diingini.

Eksesais julung kali diadakan ini dapat meningkatkan keupayaan dan saling khidmat dalam perancangan dan pelaksanaan operasi bersama dan gabungan di antara kedua-dua angkatan tentera pada masa akan datang.



Wakil PLA mengikuti pelayaran bersama KD JEBAT semasa siri PXP



PHOTEX



Combined Joint Command Post Team



EKS NAGA EMAS 58/15
TIM PENGGEMPUR PASKAL MENGGEMPUR KAPAL MISC BUNGA ASTER DITAWAN LANUN DI PERAIRAN TANJUNG AYAM JOHOR

Oleh: Kdr Rosli bin Rejab TLDM

Eksesais NAGA EMAS (ENE) 58/15 yang dilaksanakan bermula 27 Jul - 9 Ogos 15, telah berjaya mempertingkatkan tahap kesiagaan dan keupayaan Tim Penggempur PASKAL dalam melawan keganasan maritim sesuai Arahan MKN No 18. Penglibatan aset-aset TLDM dan pesawat udara serta kapal sasaran BUNGA ASTER milik MISC Berhad (MISC) memerlukan perancangan yang rapi dan koordinasi bersama dalam menjayakan ENE pada siri ini.

Senario latihan yang dirancang dalam ENE pada kali ini adalah mirip kepada insiden penawanan sebuah kapal tangki yang dirampas sewaktu melalui Selat Singapura Julai 2015. BUNGA ASTER jenis *Chemical Tanker* dalam pelayaran dari Bintulu menuju ke Singapura membawa minyak mentah tidak dapat dikesan oleh pihak MISC sejak 1 Ogos 2015. Kapal dipercayai telah ditawan oleh sekumpulan lanun bersenjatakan AK 47, M16 dan pistol. Tim Penggempur PASKAL diletakkan dalam notis serta merta untuk melaksanakan operasi menyelamat apabila diarahkan.

Pada 5 Ogos 15, kapal TLDM dapat mengesan dan menjejaki kapal yang sedang bersauh di perairan Tanjung Ayam, Johor. Lanun tersebut telah bertindak agresif dengan membunuh 2 orang anak kapal selepas permintaan mereka tidak dilayan oleh pihak kerajaan.

KD SRI INDERA SAKTI yang ditugaskan sebagai kapal platform membawa Kumpulan Penggempur PASKAL telah berada di kawasan krisis bersedia untuk operasi menyelamat dilaksanakan pada sebelah pagi pada 7 Ogos 15. Keadaan laut yang bergelora dan arus yang deras menjadi cabaran dalam melaksanakan operasi ini namun ianya dilaksanakan dengan jayanya dan semua lanun dapat dibunuh manakala kapal serta krew berjaya diselamatkan.



Taklimat oleh Kepten Kapal MV BUNGA ASTER kepada delegasi TLDM dan MISC



Pengganas telah ditembak dan krew kapal diselamatkan

ENE 58/15 ini merupakan siri latihan tahunan yang dikoordinasikan bersama TLDM dan MISC. Matlamatnya adalah untuk mengukuhkan kerjasama, koordinasi dan persefahaman antara TLDM dan MISC dalam menangani keganasan maritim apabila berlakunya penawan kapal. Penyaluran maklumat perisikan amatlah diperlukan bagi tujuan melaksanakan operasi menyelamat.

Objektif utama siri eksesais adalah untuk menguji kesiagaan dan keupayaan Tim Penggempur PASKAL bagi melawan keganasan maritim selaras dengan Arahan MKN No 18. Konsep eksesais dilaksanakan dalam 2 fasa iaitu *Force Integration Training* di Pangkalan TLDM dan *Fields Training Exercise* di Perairan Johor.

Aset TLDM yang terlibat bagi menjayakan eksesais kali ini ialah KD SRI INDERA SAKTI, Super Lynx, FENNEC, Tim Penggempur PASKAL dan bot CB90. Manakala aset MISC ialah BUNGA ASTER sebagai kapal sasaran. Komander Rosli bin Rejab TLDM, Pegawai Memerintah KD PANGLIMA HITAM turut serta dalam latihan bagi menentukan ENE 58/15 menepati keperluan taktikal yang dirancang.

Panglima PASKAL, Laksamana Pertama Dato' Saifuddin bin Kamaruddin bersama pihak pengurusan MISC telah hadir sama untuk menyaksikan latihan akhir operasi menyelamat kapal Bunga Aster di Tanjung Ayam, Johor. Kerjasama antara MISC dengan TLDM dalam siri ENE telah terjalin sejak tahun 1987 dari Laksamana Pertama Dato' Saifudin sendiri adalah Ketua Tim pertama yang melaksanakan siri eksesais tersebut. Melalui rangka kerjasama tersebut, MISC menyediakan sebuah kapal sasaran yang dijadikan sebagai platform untuk latihan melawan keganasan maritim.

Hubungan erat ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan Operasi FAJAR (Ops FAJAR) susulan penawanan kapal MISC oleh lanun Somalia di perairan Teluk Aden pada tahun 2008. MISC komited untuk menjayakan Ops FAJAR dan telah menyediakan dua buah kapal kontena miliknya iaitu Bunga Mas Lima (BM5) dan Bunga Mas Enam (BM6) yang telah diubah suai untuk menjadi kapal auksiliari TLDM.





EKS CARAT 2015
LAKAR SEJARAH DI SANDAKAN

Oleh: Lt Kdr Khairul Azhar bin Mahpor TLDM

Setelah dua dekad Eks CARAT berlangsung, buat julung kalinya ia diadakan di Sandakan Sabah yang merupakan eks gabungan dan bersama melibatkan ATM dengan *United States Navy* (USN) serta elemen *United States Marine Corps* (USMC). Objektif utama eks ialah meningkatkan perkongsian ketenteraan di antara kedua-dua negara, mempertingkatkan keselamatan maritim, menggalakkan kerjasama serta pertukaran maklumat dan mengukuhkan kerjasama ketenteraan antara ATM dan USN dalam suasana operasi gabungan bersama.


USS FORT WORTH

Eksesais kali ini diadakan secara *Field Training Exercise* dengan penumpuan kepada latihan maritim dan pendaratan amfibi bermula pada 10 hingga 22 Ogos 15. Kawasan latihan tertumpu di Perairan Sandakan dan Lahad Datu. Eks ini melibatkan aset TLDM seperti KD JEBAT, KD KEDAH, 2 buah Bot Tempur dan 2 buah P38. Manakala aset USN ialah USS GERMANTOWN, USS FORT WORTH, 2 buah *Riverine Control Boats* (RCB) dan 2 buah *Landing Craft Air Cushion* (LCAC).


KD JEBAT

Majlis Perasmian Pembukaan dilaksanakan di KD SRI SANDAKAN pada 17 Ogos 15 dan dirasmikan secara bersama oleh Ketua Staf Markas Angkatan Bersama, Mejar Jeneral Dato' Kamarulzaman Mohd Othman dan *Commander Task Force* 73, Rear Admiral Charles Williams. Manakala Majlis Perasmian Penutup dilaksanakan pada 21 Ogos 15 dan dirasmikan oleh AKS J5 Markas Angkatan Bersama (MAB), Laksda Dato' Pahlawan Hj Mohamad Adib Abdul Samad.


USS GERMANTOWN

Eks CARAT 2015 terbahagi kepada 3 fasa utama iaitu Fasa Pelabuhan, Fasa Laut dan Fasa Penutup. Aktiviti utama semasa Fasa Laut adalah seperti *Deck Landing*, *Gunnery*, *Simulated Air Defence*, *Over The Horizon Targeting*, *Fast Boat Attack*, *Riverine Operations*, *Replenishment at Sea* dan *Amphibious Assault*.



Ucapan oleh Rear Admiral Charles Williams semasa majlis perasmian pembukaan

Kejayaan eksesais pada kali ini telah membuktikan bahawa aset-aset ketenteraan milik ATM sentiasa bersiap siaga serta mampu diatur gerak pada sebilang masa dan dapat dioperasikan dengan baik. Secara keseluruhannya, Eks CARAT 2015 telah mencapai objektif yang ditetapkan selaras dengan keupayaan perang ATM yang kini berada pada tahap yang tinggi serta mampu memperagakan aspek *deterrence* kepada sebarang anasir yang mengancam kedaulatan dan keselamatan negara terutama di Perairan Sabah yang merupakan laluan jenayah rentas sempadan yang utama di rantau ini.

Eks CARAT 2015 turut melakar sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya 2 buah LCAC milik Tentera Laut AS merapat di Jeti Sandakan pada 13 Ogos 15.

Aktiviti lain yang turut dilaksanakan ialah Majlis Resepsi di KD JEBAT. Majlis ini merupakan platform bagi pegawai dan anggota kedua-dua buah negara berkongsi pengalaman di samping bertukar pendapat. Aktiviti pembinaan Gazebo dilakukan di Sekolah Kebangsaaan GAS Sandakan bagi memupuk hubungan murni antara masyarakat setempat dan anggota keselamatan.


KD KEDAH


Fast Boat Attack



LCAC merapat di Jeti Sandakan



Pembinaan Gazebo di Sekolah Kebangsaan GAS Sandakan

DB TLDM SPIAV3 PERKENAL SISTEM PERMOHONAN ATAS TALIAN

Oleh: Lt Dya Muhammad Faizi bin Musa TLDM

Mengenai SPIAV3

SPIAV3 mempunyai 13 modul utama. Setiap modul ini mempunyai hubung kait diantara satu sama lain untuk melengkapkan daripada proses permohonan sehingga proses pengeluaran barang. Setiap proses ini melibatkan pengguna dan Depot yang mana perolehan akan dllakukan oleh Depot. Modul-modul ini adalah seperti di Rajah 1.






Permohonan

Terdapat 3 jenis permohonan melalui sistem. Jenis-jenis permohonan adalah seperti berikut:

a. Permohonan BAT L 8.
b. Permohonan BAT L 96.
c. Personal Inventory.

Sistem Pengurusan Inventori Armada Versi 3 (SPIAV3) adalah sistem yang dibangunkan untuk merancang, mengurus dan melaksanakan proses permohonan dan pengeluaran secara atas talian. Mula dibangunkan pada 20 Dis 12 oleh Syarikat Agathis Sdn Bhd dan mula beroperasi sepenuhnya pada 18 Nov 13. Reka Bentuk Sistem.


a. Aplikasi berdasarkan web.
b. Pengaturcaraan: Hypertext Processor Web (Php)
c. Pangkalan Data: My Sql
d. Sistem Operasi: Window Server 2008.
e. URL: www.dbtldm.mil.my



Rajah 2:
BAT L 8

BAT L 8

Permohonan BAT L 8 secara atas talian ini merangkumi barang-barang bagi Komoditi Bantuan 1, 3, 4 dan 5. Setiap satu BAT L 8 ini digunakan bagi membuat permohonan untuk satu barang sahaja yang mana kuantiti barang, tarikh pengambilan akan dimasukkan oleh unit pengguna. Permohonan ini akan diluluskan oleh Pegawai Memerintah unit tersebut dan akan diproses oleh staf Komoditi Bantuan bergantung pada jenis barang tersebut. Sekiranya stok tiada dalam pegangan Depot, perolehan akan dilakukan oleh Komoditi Bantuan.



BAT L 96


Permohonan BAT L 96 adalah permohonan rangsum yang dikendalikan oleh Komoditi Bantuan 2. Permohonan ini hanya dilakukan oleh uni-unit di sekitar Pangkalan Lumut. Pengguna perlu memilih tempoh sajian yang dikehendaki berdasarkan tarikh.

Rajah 3: BAT L 96

Personal Inventory

Personal Inventory (PI) merupakan satu modul yang baru bagi mengantikan sistem konvensional iaitu penggunaan BAT L 2001. Permohonan ini adalah melalui akaun pengguna iaitu warga TLDM. Sebanyak 18032 akaun bagi warga TLDM telah diwujudkan dan permohonan boleh dihantar kepada 16 Mini Butik yang terdapat di seluruh Malaysia. Mini tersebut adalah:

- Depot Bantuan TLDM
- Depot Logistik Wilayah 1.
- Depot Logistik Wilayah 2.
- Depot Logistik Wilayah 3.
- KD PELANDOK.
- Unit Bantuan Utara.
- KD SRI PINANG.
- KD SRI GOMBAK.
- KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
- KD SRI KLANG.
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- KD SULTAN ISMAIL.
- RNO KUCHING.
- KD SRI TAWAU.
- KD SRI SANDAKAN.
- KD SRI SEMPORNA.



Rajah 4: *Personal Inventory*

Secara keseluruhannya, TLDM merupakan perkhidmatan yang pertama yang menggunakan permohonan secara atas talian secara menyeluruh oleh setiap warga serta markas dan unit TLDM. Penggunaan sistem ini memberi penjimatan dari segi penggunaan kertas (*paperless*), masa dan juga memudahkan kedua-dua belah pihak iaitu pengguna dan juga pihak Depot.

Rakan Maritim - Kukuh Kerjasama TLDM, Persatuan Nelayan Pahang

Oleh: Lt Rahim bin Ghozi TLDM



Simbolik memperkenalkan Kad Rakan Maritim (RAKAM).

Program Interaksi anjuran bersama Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) dan Persatuan Nelayan Negeri Pahang yang diadakan di Tanjung Gelang, di sini telah membuka mata banyak pihak sekaligus membuktikan TLDM amat prihatin tentang aspek keselamatan perairan negara dan masyarakat maritim khasnya para nelayan.

Program yang dipengerusikan Panglima Wilayah Laut 1, YBhg Laksamana Muda Dato' Azhari Abdul Rashid turut dihadiri Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Pahang, En Zulkiflee Md Yusof serta Pengerusi dan Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kuantan, Pekan, Nenasi dan Rompin. Hadir sama ialah wakil Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Wilayah Timur.



Suasana perbincangan dan sesi interaksi

Program kali ini adalah yang kedua diadakan di antara MAWILLA 1 dengan komuniti maritim khususnya Persatuan Nelayan Pahang di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) MAWILLA 1. Melalui program ini, pihak TLDM dapat menjalinkan perhubungan yang baik dengan komuniti nelayan setempat bagi mengukuhkan kerjasama pada masa hadapan khususnya di dalam penyaluran maklumat berkenaan situasi ataupun insiden-insiden yang berlaku di KTJ MAWILLA 1 selain memaklumkan kepada komuniti nelayan mengenai tugas dan fungsi TLDM khususnya MAWILLA 1.

Di samping itu, ianya juga dapat meningkatkan kesedaran bahawa MAWILLA 1 sentiasa peka dan memberi komitmen yang jitu dalam memastikan perairan negara selamat untuk para nelayan menjalankan aktiviti mereka sekaligus membuktikan keperihatinan TLDM dalam memastikan kedaulatan maritim negara sentiasa terpelihara dari sebarang unsur subversif yang mampu menggugat kesejahteraan negara khasnya dan keselamatan komuniti maritim amnya.

Bagi memudahkan perhubungan secara terus antara nelayan dan agensi penguatkuasaan iaitu TLDM dan APMM, MAWILLA 1 telah mengambil inisiatif dengan mewujud serta mengedarkan Kad Rakan Maritim atau calling card yang tertera nombor telefon untuk dihubungi serta format laporan bagi memaklumkan sebarang kejadian, insiden ataupun permasalahan yang berlaku di maritim negara. Dengan ini, perhubungan komunikasi antara komuniti maritim khususnya nelayan dengan agensi penguatkuasaan menjadi lebih CEPAT dan TEPAT.

Sesi interaksi ini telah berlangsung dengan jayanya serta telah mencapai objektifnya. Wakil dari Persatuan Nelayan yang hadir turut berpuas hati dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha TLDM dalam menjaga dan memastikan keselamatan maritim negara khasnya dan komuniti nelayan amnya.



Sesi bergambar Program Interaksi MAWILLA 1 Bersama Persatuan Nelayan Negeri Pahang



PANGWILLA 1 beramah mesra bersama wakil Pengerusi dan wakil Persatuan Nelayan Negeri Pahang

Peristiwa: 1 Mei 1978 (Isnin)



Perbarisan Tamat Latihan Pengambilan Rekrut Wanita Pertama bersama Rekrut Pengambilan Ke-136

40 ORANG REKRUT WANITA PERTAMA BERKHIDMAT SEBAGAI ANGGOTA TETAP

Seramai 40 orang rekrut wanita pertama telah diambil untuk berkhidmat sebagai anggota tetap pada hari ini, 1 Mei 1978. Mereka terdiri daripada anggota KD SRI MEDINI, KD SRI KLANG dan KD SRI PINANG. Antara mereka yang diterima masuk dalam perkhidmatan ialah Amewa binti Ahmad, Khatijah binti Abd Rahman, Fatimah binti Abdul Kadir, Aishah binti Mahmood, Salmah binti Mustafa, Aishah binti Abdul Razak, Norsham binti Arshad, Wan Mahani binti Abdullah, Zainab binti Ahmad dan Saadiah binti Jalil. Kumpulan ini berjaya menamatkan latihan dalam kepakaran Komunikasi, Kerani Am dan Kerani Gaji.

PENAMAAN MARKAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MPL) TLDM

Peristiwa: 7 Mei 2004 (Jumaat)



Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) TLDM terletak di Jalan Semarak, Kuala Lumpur

Pada hari ini dalam tahun 2004, nama KD PELANDOK (KDP) dengan rasminya telah menggunakan nama Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) TLDM melalui Memo Am TLDM No. 05/04 bertarikh 7 Mei 2004 yang telah ditandatangani oleh YBhg Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor. Markas ini diterajui oleh seorang pegawai kanan TLDM berpangkat Laksamana Pertama sebagai Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM. Kepten Ilyas bin Hj Din N/400398 TLDM telah dilantik memegang jawatan Panglima Pendidikan dan Latihan yang pertama pada 29 Disember 1996.



Sejarah perkembangan Markas Pendidikan dan Latihan TLDM

Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) TLDM merupakan markas yang bertanggungjawab melahirkan pelaut TLDM yang produktif selari dengan misi dan visi TLDM. Kewujudan markas ini bermula dengan tertubuhnya Pusat Latihan TLDM pada 20 Januari 1971 iaitu *Cadet And Recruit Training Establishment* bertempat di Kem Khatib, Sembawang, Singapura. Pada awal penubuhannya, pusat ini melatih hanya seramai 10 pegawai dan 70 anggota lain-lain pangkat setiap tahun.

Unit-unit di bawah naungan MPL TLDM ialah KD PELANDOK, KD SULTAN IDRIS I, KD SULTAN ISMAIL dan Pusat Kepimpinan TLDM. Unit-unit tersebut merupakan teras kepada pencapaian misi MPL TLDM keseluruhannya iaitu "Mendidik Dan Melatih Warga TLDM'' dan "Peminta Khidmat Lain Ke Arah Menjadi Perlaksana Tugas Yang Kompeten".

Markas ini juga berperanan memberi bantuan latihan dari segi jurulatih dan khidmat nasihat kepada kapal atau unit pangkalan TLDM. Dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, MPL TLDM melalui unit-unit di bawah naungannya sentiasa menentukan pendidikan dan latihan dalam TLDM dilaksanakan berpandukan Sistem Latihan TLDM (SLTLDM).

Peristiwa: 5 Jun 2006 (Isnin)

PENTAULIAHAN

KAPAL PERONDA GENERASI BARU (NGPV) PERTAMA TLDM



Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din Membacakan Watikah Tauliah KD KEDAH

Pada hari ini dalam tahun 2006, KD KEDAH telah ditauliahkan ke dalam perkhidmatan TLDM. Pentauliahan ini telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut iaitu YBhg Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din di PSC Naval Dockyard Sdn Bhd, Lumut, Perak. Kepten Mohd Aliyas bin Hamdan TLDM telah dilantik menjadi Pegawai Memerintah yang pertama bagi kapal ini setelah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Kapal ini diberi nama KD KEDAH sempena nama negeri Kedah Darul Aman. Kapal Ronda terdahulu iaitu KD SRI KEDAH telah dilucutkan tauliah kerana telah usang dan telah lama berkhidmat di dalam TLDM. Pengekalan nama ini adalah untuk TLDM terus mengenang sumbangan jasa dan bakti yang telah diberikan oleh kapal pertama iaitu KD SRI KEDAH kepada negara.

Upacara pelancaran dan penamaan kapal ini telah dilangsungkan pada 25 September 2003 oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Tengku Puteri Intan Syafinaz, Puteri Sultan Kedah. KD KEDAH dibina berkonsepkan '*Fitted For, But Not With*' (FFBNW) yang membawa maksud kapal boleh dilengkapkan dengan sistem persenjataan seperti peluru berpandu anti-permukaan dan anti-udara. Namun persenjataan tersebut tidak dipasang buat masa sekarang tetapi boleh diintegrasikan dengan mudah pada bila-bila masa mengikut keperluan operasi. KD KEDAH merupakan kapal pertama dari kelas Kapal Ronda Generasi Baru ataupun *New Generation Patrol Vessel* (NGPV). KD KEDAH telah dibina oleh Penang Shipbuilding Construction Naval Dockyard Sdn Bhd (PSCND) dengan kerjasama German Naval Group (GNG) di Hamburg, Jerman. KD KEDAH menggunakan nombor penant 171 dan merupakan perintis bagi Skuadron Kapal Ronda Ke-17 (SKR Ke-17) di dalam Inventori TLDM.



KD SRI PERAK

Peristiwa: 6 Jun 1963 (Khamis)

PENTAULIAHAN

KD SRI PERAK (P3140)



Pada hari ini dalam tahun 1963, kapal KD SRI PERAK telah ditauliahkan ke dalam perkhidmatan TLDM. KD SRI PERAK merupakan kapal peronda daripada Skuadron Kapal Peronda Ke-14 kelas SRI KEDAH. Kapal ini telah dilancarkan pada 30 Ogos 1962 dan dibina oleh syarikat pakar perkapalan dari England, iaitu Vosper Ltd.

KD SRI PERAK merupakan kapal perang milik TLDM yang sentiasa bersedia mempertahankan negara Malaysia sekitar tahun 1966 hingga 1984. Sepanjang 2 dekad di dalam perkhidmatan, kapal ini telah memberi banyak sumbangan dalam mempertahankan kedaulatan negara. Kapal ini turut terlibat mengawasi perairan Sabah ketika peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia. Pada masa itu, KD SRI PERAK dilihat memenuhi keperluan pertahanan laut Malaysia dari kapal-kapal musuh. Ia dilengkapi dengan sistem persenjataan meriam Bofors 40/70mm dan *General Purpose Machine Gun* (GPMG) 7.62mm. Memiliki dua buah jentera utama jenis MTU MD 655/18, ia boleh mencapai kelajuan sehingga 27 knot. KD SRI PERAK tidak dilengkapi dengan sebarang pertahanan pelancar umpan, sebaliknya menggunakan kelajuannya bagi mempertahankan diri.

Peristiwa: 1 Julai 1980 (Selasa)

PENGAMBILAN PEGAWAI KADET WANITA PERTAMA



Pegawai Kadet Kanan Wanita Pertama sedang membersihkan senjata M16

Pada hari ini dalam tahun 1980, seramai 14 orang pengambilan Pegawai Kadet Wanita (PKW) pertama telah dipilih untuk menjalani latihan sebagai pegawai kadet TLDM. Pada peringkat awal latihan, mereka menjalani latihan asas PKW selama 3 bulan tanpa dibekalkan pakaian seragam lengkap. Penginapan disediakan di Rumah Banglo VIP2, Pangkalan TLDM Lumut sebagai tempat tinggal sementara. Bagaimanapun, masalah pakaian seragam dan tempat penginapan dapat diselesaikan dalam masa 3 bulan pertama. Sepanjang latihan asas, mereka telah diajar perkara-perkara asas ketenteraan seperti kawad, berenang dan pengenalan kepada subjek Ilmu Kelautan.

Setamatnya latihan asas, PKW ini ditempatkan di unit dan Markas TLDM bagi menjalani sesi Latihan Sambil Kerja (LSK) untuk tempoh 3 bulan. Mereka dikehendaki menyiapkan penugasan yang telah disediakan di samping melaksanakan segala tugas lain yang diarahkan oleh Pegawai Latihan. Mereka seterusnya kembali ke Sekolah Pegawai Kadet, KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut untuk mempelajari subjek Ilmu Kelautan seperti *General Navigation, Rules Of The Road, Tradition and Custom, Seamanship, Flag and Signaling, Communication* dan *Gunnery*. Mereka turut diberi kefahaman yang mendalam mengenai Akta Angkatan Tentera 1972, latihan praktikal mengenali dan mengendalikan senjata M16, kawat senjata dan latihan air seperti berkayak dan mendayung.

Setelah lulus peperiksaan *Cadet Board*, mereka dinaikkan ke pangkat Pegawai Kadet Kanan (PKK) pada bulan Julai 1981. Seterusnya mereka ditempatkan di KD MALAYA, Woodlands, Singapura untuk menjalani LSK selama 3 bulan dan kemudiannya kembali ke Sekolah Pegawai, KD PELANDOK untuk menjalani latihan lanjutan dan menduduki *Midshipmen Board* dalam semua subjek untuk melayakkan mereka ditauliahkan. Perbarisan Tamat Latihan Kadet bagi pengambilan PKW pertama digabungkan bersama Pegawai Kadet Tentera Darat dan Udara. PKW pertama bersama Pengambilan PKK Ke-25 dihantar ke Sekolah Pegawai Kadet Port Dickson, Negeri Sembilan untuk Upacara Perbarisan Tamat Latihan dan Pentauliahan yang telah diadakan pada 25 Mei 1982

SENARAI PENGAMBILAN PEGAWAI KADET WANITA PERTAMA

Bil.	No. Tentera	Nama
1.	N/401800	Noorul Badriah bte Hj. Mohd Said
2.	N/401803	Farah bte Anuar
3.	N/401804	Faridah bte Melan
4.	N/401805	Khong Suat Ean
5.	N/401806	Mary Koh
6.	N/401807	Nor Yasmin bte Buri
7.	N/401808	Raya bte Harun
8.	N/401809	Roslina binti Idris
9.	N/401810	Sharifah Nazrah bte Syed Mohd
10.	N/401811	Tara Sundri @ Tan Siew Lean
11.	N/401812	Tay Siew Liew
12.	N/401813	Zaharah bte Amir
13.	N/401814	Zainon bte Hj. Ahmad
14.	N/401815	Zaleha bte Yahya



Pentauliahan PKW pertama di Sekolah Pegawai Kadet Port Dickson, Negeri Sembilan



Pengambilan Pegawai Kadet Wanita TLDM yang Pertama

Peristiwa: 2 Julai 1987

ANGGOTA TLDM

MENYELAMATKAN BOT TEMPUR DAN DUA ANGGOTA ELIT DARI DIHANYUTKAN GELOMBANG BESAR



Pada hari ini dalam tahun 1987, seorang anggota TLDM iaitu LK I TMK Teo Heng Sing telah menyelamatkan sebuah bot tempur TLDM dan dua orang anggota dari Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Regimen Gerak Khas (RGK) dari dihanyutkan dalam gelombang besar. Peristiwa itu terjadi berhampiran di Pulau Terumbu Layang-Layang lebih kurang satu setengah batu nautika dari pulau tersebut.

Kejadian bermula apabila beliau menyertai misi kedua setelah sebuah bot tempur lain yang ditugaskan menyelamatkan bot yang terbalik itu gagal melakukannya kerana ombak terlalu besar. Sebuah bot yang dinaiki oleh seramai 5 orang anggota terbalik berhampiran Pulau Layang-Layang. Keadaan laut pada ketika itu bergelora dan menyebabkan bot yang terbalik hanyut sehingga 9 batu nautika dari pulau tersebut. Sikap berani dan tanggungjawab beliau menghadapi suasana mendapat perhatian, bukan sahaja kerana telah menyelamatkan harta tentera tetapi juga menyelamatkan nyawa rakan-rakannya. Beliau telah dianugerahkan Pisau Tempur Angkatan Tentera pada hari Hari Angkatan Tentera Ke-54 di atas keberanian dengan tindakan segeranya tersebut. Anugerah itu telah disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ghazali bin Che Mat.



LK I TMK Teo Heng Sing menerima anugerah Pisau Tentera Angkatan Tentera dari Panglima Angkatan Tentera sempena Hari Angkatan Tentera Ke-54

Peristiwa: 18 Ogos 1987 (Selasa)

FORUM

SEJARAH ANGKATAN TENTERA



Menteri Pertahanan Tengku Ahmad Rithauddeen

Pada hari ini dalam tahun 1987, Menteri Pertahanan Tengku Ahmad Rithauddeen Ibni YAM Tengku Mek Haji Ismail telah merasmikan Forum Pengkisahan Sejarah Angkatan Tentera, dengan tema "Darurat 1948 - 1960", bertempat di Auditorium Arkib Negara Malaysia. Forum ini merupakan yang Ke-4 dalam siri Pengkisahan Sejarah Angkatan Tentera anjuran bersama Arkib Negara Malaysia dengan Angkatan Tentera Malaysia. Objektif Forum itu ialah :-

- Untuk mengumpulkan maklumat mengenai Sejarah Angkatan Tentera
- Menghargai jasa dan sumbangan angkatan tentera kepada bangsa dan negara
- Melengkapkan lagi maklumat-maklumat yang sedia ada.

Profesor Sejarah, Universiti Malaya, Dato' Dr. Khoo Kay Kim telah mempengerusikan forum tersebut dan diantara ahli panelnya ialah Jen. (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim, Mejar Jeneral (B) Dato' Mahmod bin Suleiman, Kolonel (B) Dato' Yeop Mohidin bin Mohd Shariff dan Tan Sri C.C. Too. Dalam ucapannya, Tengku Rithauddeen memberitahu maklumat yang diperolehi hasil perbincangan itu amat bernilai sebagai bahan rujukan dan penyelidikan. Ini kerana, maklumat itu dapat membetulkan kesilapan fakta-fakta sejarah negara yang ditulis oleh penjajah. Di samping itu juga, ia dapat memberi kesedaran kepada rakyat tentang pengorbanan dan kesetiaan anggota pasukan keselamatan dalam memperjuangkan maruah bangsa dan negara. Sesungguhnya, Pengkisahan Sejarah Angkatan Tentera pada hari ini dalam tahun 1987, dapat mengumpulkan maklumat dan fakta penting sebagai rujukan generasi akan datang.

Peristiwa: 22 Ogos 1985 (Khamis)

PEGAWAI MEMERINTAH KD KINABALU YANG PERTAMA



Leftenan Komander Mohamed Sahari bin Hj Sapari

Pada hari ini dalam tahun 1985, Leftenan Komander Mohamed Sahari bin Hj Sapari TLDM N/400375 dilantik sebagai Pegawai Memerintah KD KINABALU yang pertama sehingga 31 Jan 1987. Beliau memegang teraju kepimpinan KD KINABALU selama 1 tahun 5 bulan dan 9 hari. Leftenan Komander Mohamed Sahari bin Hj Sapari TLDM dilahirkan pada 28 September 1947 di Johor. Beliau memasuki perkhidmatan TLDM pada 1 September 1972 dan merupakan pengambilan BRNC 1969. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Puan Rasmoniyati binti Abdullah. Beliau bersara daripada perkhidmatan TLDM pada 26 September 2003 dengan pangkat terakhir Laksamana Pertama. Beliau kini menetap bersama keluarga di Perak sebagai pesara tentera.

KD KINABALU merupakan sebuah kapal penangkis periuk api dalam Skuadron Penangkis Periuk Api Ke-26 yang berperanan dalam melaksanakan pembersihan laluan kapal samada untuk kepentingan kapal-kapal TLDM khasnya dan kapal-kapal dagang amnya. Skuadron Penangkis Periuk Api Ke-26 terdiri daripada empat buah kapal iaitu KD MAHAMIRU (M11), KD JERAI (M12), KD LEDANG (M13) dan KD KINABALU (M14). Skuadron ini terutamanya KD MAHAMIRU dan KD LEDANG dilengkapi dengan sistem sonar TSM 2022 MK III yang berfungsi dalam pengesanan periuk api jenis dasar atau *bottom mine*.

Upacara penamaan dan pentauliahan kapal-kapal SPP Ke-26 dilakukan di Pelabuhan La Spezia, Itali. KD KINABALU telah ditauliahkan pada 11 Disember 1985. Upacara ini telah dihadiri oleh dif-dif kehormat dari Malaysia dan Itali serta pegawai-pegawai TLDM terutamanya dari SPP Ke-26.



Pegawai Memerintah Pertama Skuadron SPP Ke-26 (Dari kiri: Lt Kdr Mohd Farouk bin Osman TLDM, Kdr Ramli bin Shamsudin TLDM, Lt Kdr Mohamed Sahari bin Hj Sapari TLDM dan Lt Kdr Abdul Azim bin Abdul TLDM).

Keringat dan Darah Demi Negara

Oleh: PW 1 PRI (B) Hamzah bin Hashim



BIODATA J493 POSM GA1 KHALID BIN SULONG

J493 POSM GA1 Khalid bin Sulung dilahirkan pada 2 November 1935 dan berasal dari Kota Tinggi, Johor. Beliau yang berkelulusan darjah empat dari Government English School Standard 6 di Batu Pahat, Johor telah memulakan kerjayanya sebagai seorang Rekrut Tentera Laut pada 19 Februari 1954 dengan No Tentera 800493 di HMS MALAYA. Beliau pernah ditugaskan di KD MALAYA, HMS DAMPIER, KD SRI PAHANG, KD SRI KELANTAN, KD SRI MELAKA, KD SRI SELANGOR, KD SRI SARAWAK, KD LEDANG, KD SRI KINABALU dan menamatkan perkhidmatannya di KD MALAYA pada 18 Februari 1976 sebagai Bintara Kanan Peperangan Paras Permukaan.

Beliau pernah dianugerahi PKB pada tahun 1964, KPK pada tahun 1965, PPA pada tahun 1966 dan PPS pada tahun 1972. Beliau berumahtangga dengan Puan Fatemah binti Mohd Ali di Sri Gading, Kuala Sedeli Besar, Kota Tinggi pada 24 Jun 1958 dan dikurniakan enam orang anak iaitu empat lelaki dan dua perempuan.

Nama J493 POSM GA1 Khalid Sulong mungkin tidak pernah didengari meniti di bibir di kalangan warga TLDM kini namun beliau merupakan salah seorang anggota TLDM yang membasahi badan dengan peluh keringat dan darah demi mempertahankan tanah air sewaktu menghadapi ancaman dalam era Konfrontasi. Beliau diberi kepercayaan untuk bertugas di KD SRI SELANGOR yang terlibat dalam pertempuran berdarah menentang Kor Komando Operasi (KKO) di Selat Singapura pada malam 24 Jul 64.

Menurut beliau ketika itu, KD SRI SELANGOR baru pulang dari bertugas di Sabah dan Sarawak selama dua bulan dan krew kapal diberi cuti pendek untuk pulang ke kampung berjumpa keluarga. Setelah tamat cuti singkat, KD SRI SELANGOR sekali lagi diarahkan untuk membuat satu rondaan iaitu OP LIMIT di Perairan Pulau St John pada 20 Julai 1964. KD SRI SELANGOR mula belayar semula dari MBJ (Malaysian Base Jetty) ke zon rondaan di Selat Singapura bermula dari Bedok sehingga ke Raffles Light House sejauh 24 batu nautika. Tiada siapa menyangka rondaan ini mencatatkan satu peristiwa berdarah dalam lipatan sejarah TLDM dalam menghadapi ancaman 'ganyang' daripada Indonesia.

Pada 24 Julai, ketika awasan pertama (first watch) mula bertugas, POSM Khalid Sulong mengambil alih tugas dari Pegawai Laksana sebagai Officer On Watch (OOW). Beliau ditemani oleh seorang Midshipman Bolt (RN). Kedudukan KD SRI SELANGOR ketika itu adalah berdekatan dengan Raffles Light House dengan haluan 065° dan kelajuan 12 knot. Pada jam 2100H ketika kapal berada Off Pulau Sebaruk, Radar Plotter membuat laporan satu unidentified contact berada di Port Bow lebih kurang dua batu nautika dan bergerak laju dari arah Pulau Sekijang Bendera ke Perairan Antarabangsa.

Kehadiran tetamu tidak diundang ke perairan telah disedari oleh KD SRI SELANGOR dan POSM Khalid Sulong melaporkan insiden tersebut kepada Pegawai Memerintah (PM) iaitu Lt Netur dan PM terus ke Anjungan dan Chart House untuk melihat skrin radar. PM telah memberi arahan untuk Stesen Bertindak (Action Station) kepada semua krew kapal. Radar Plotter pada ketika itu ialah ODRP Jamilan aktif memberi laporan pergerakan dan jarak bot laju (pancung) daripada kapal sehinggalah jarak mencapai 2 cabels. Menyedari kedegilan bot tersebut, PM menggunakan loud hailer mengarahkan Bot KKO menyerah diri namun arahan nyata dipandang sepi. Bot KKO masih berlegar di sekeliling kapal dan kedengaran mereka menjawab "Ngak bisa, kami KKO mahu pulang".

Disebabkan jarak bot tersebut terlalu rapat dengan KD SRI SELANGOR menyebabkan krew kapal tidak boleh menembak menggunakan A gun. Pertempuran berlaku apabila ABEM Abdul Samad memetik lampu suluh Aldis dan menghalakan suluhan tersebut ke arah Bot KKO. Mungkin kerana silau atau mungkin kerana rasa terancam, suluhan lampu tersebut dibalas dengan tembakan dari Bot KKO ke arah ABEM Abdul Samad dan menyebabkan beliau rebah serta merta.

Menyedari kelancangan tindakan Bot KKO, POSM Khalid Sulong lantas menyerahkan tugas beliau sebagai OOW kepada Midshipman Bolt dan beliau nekad mengambil Bren Gun di sebelah port dan terjun daripada flag deck ke sebelah port deck. Serentak itu juga kedengaran bunyi tembakan

dilepaskan dari KKO ke Super Strcuture dan dinding kapal. Tanpa menghiraukan keselamatan diri, POSM Khalid Sulong bersama krew kapal mula berbalas tembakan. Serangan balas daripada 2 buah Bren Gun KD SRI SELANGOR berupaya melumpuhkan musuh. Peluru yang mengenai anggota KKO, enjin sangkut (outboard motor), dinding dan lantai keluli membuatkan Bot KKO kehilangan kuasa dan dimasuki air laut. Walau bagaimanapun, bot tersebut masih boleh bergerak dengan perlahan dan akhirnya hilang dalam kegelapan malam.

Beberapa ketika kemudian, keadaan menjadi tenang semula apabila tiada lagi bunyi tembakan dilepaskan dari arah Bot KKO. Kedengaran jeritan salah seorang anggota ODCK Rahmat memaklumkan beliau mengalami cedera diperutnya. Namun hasil pemeriksaan mendapati beliau hanya terkena kelongsong peluru yang panas di overall nya. Walau bagaimanapun, terdapat seorang krew kapal yang telah terbaring di Flag Deck iaitu ABEM Abdul Samad Sulaiman dan tidak dapat diselamatkan. Bantuan kecemasan diberikan kepada krew kapal yang tercedera iaitu LRRG Kweh Onn Cheong yang terkena serpihan peluru di peha kanan. Midshipman Musa Jabar yang berada di Chart House juga mengalami kecederaan apabila peluru yang melantun (ricochet) terperosok di bawah collar bone. Midshipman Bolt yang berada di Anjungan turut tercedera apabila peha beliau ditembusi peluru.

KD SRI SELANGOR selamat merapat di Teluk Air Basin lewat tengah malam. Jenazah ABEM Abdul Samad dibawa ke British Military Hospital (Alexandra Hospital) untuk post mortem manakala yang cedera untuk menerima rawatan. Pada keesoakan harinya, terdapat 21 kesan tembakan di Super Structure sebelah port, A gun dan sebelah port ship side Forward Mess. Jenazah Abdul Samad telah dikebumikan dengan penuh istiadat angkatan tentera di kampungnya di Batu Pahat dan demi mengingati jasa dan sumbangan terakhir beliau dalam perkhidmatan, lapang sasar yang berada di KD PELANDOK telah dinamakan sempena nama beliau.


PAHLAWAN DI-KENANG

BATU PAHAT.
Dalam satu upachara di-Parit Besar, pegawai pe-nimpin 'Sri Sela-ngor' dari Pasuka-kan Laut di-Raja. Lt. P. K. Nettur ba-haru2 ini telah menyampaikan sa-puchuk surat ta'-aziah dari Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, dan wang $2,000 dari derma Per-wira kapada Inche Sulaiman bin Hi-tam, ayah kapada Allah Yarham Pri-vate Samad bin Sulaiman, 22 ta-hun.
Private Samad telah terkorban sa-waktu berjuang dengan kapal me-riam Indonesia di-perayeran antara-bangsa, selatan Si-ngapura pada 24 July yang lalu. Inche Samad menaiki kapal pronda 'Sri Sela-ngor'.

Leftenan P.K Nettur menyampaikan surat takziah kepada Encik Sulaiman bin Hitam ayah kepada ODEM Abdul Samad bin Sulaiman M964


KD SRI SELANGOR semasa konfrontasi Malaysia - Indonesia di Selat Singapura.



Allahyarham En Khalid bin Sulong bergambar kenangan bersama dengan Laksda Dato' Pahlawan Syed Zahiruddin Putra bin Syed Osman (AKS Perancangan Pembangunan MK TL) dan Laksma Azhari bin Abdul Aziz (AKS Pentadbiran MK TL) semasa Majlis Pengkisahan KD Sri Selangor dengan Kor Komando Operasi (KKO) Angakatan Laut Indonesia pada tahun 1964 di Auditorium Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka pada 28 Mei 2015



MALAYSIAN ARMED FORCES DEFENCE BUDGETING FOR ECONOMIC RECESSIONS

By: Col Amirrudin Hj Ismail


Col Amirudin bin Dato' Sulaiman was commissioned in 1985. Being among the pioneer graduate officers in the Malaysian Armed Forces, he holds a Bachelor's Degree in Accountancy Studies from The University, Yorkshire, England and a double Master's Degree in Defence Studies from University of Canberra and UKM. His current appointment is as the Director of Strategic Management, Malaysian Armed Forces Headquarters with the Defence Plans Department. He has held many important appointments such as SO 1 Strategy/Concept at the Planning and Development Branch at the Army Headquarters, Commanding Officer of the 1st Battalion Border Regiment, Colonel Doctrine at the Army Training Headquarters. Prior to his current appointment, he was the Chief of Staff at the Army Training Headquarters. He is the first army officer contributes an article in SAMUDERA.

Economic recessions and financial crises can have a direct impact on a country's defence budget and its subsequent defence expenditure. It is in times like these that there will be a great possibility of budget cuts in the country's defence budget if the country's priority is leaned more towards the well-being of its citizens and the country's socio-economic development. Such a country can be said of Malaysia.

However, it is about balancing the country's national income for socio-economic development and defence so as to not to compromise the country's integrity and sovereignty. It is easier said than done. As such, Malaysian defence planners need to consider some form of budgetary and financial measures in times of a world economic recession that will certainly affect the government coffers so as to sustain its capabilities level and defence readiness in assuring the integrity and sovereignty of the country. Additionally, new measures need to be considered in the longer strategic developmental plan for the Malaysian Armed Forces so as to ensure its development can continue unabated in times of economic recessions or financial crises.


The graphs provided above reflect that there is a great likelihood of a world economic depression happening before the end of this decade that may lead

MALAYSIA'S GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP) 1988-2012



Graph 1: Malaysia's GDP From 1988 - 2012
Data Source: Various issues of IISS's *The Military Balance* 1990-1991 to 2013 and SIPRI's Military Expenditure Database.

MALAYSIA'S DEFENCE BUDGET AND DEFENCE EXPENDITURE




Graph 2: Malaysia's Defence Budget and Defence Expenditure From 1988 - 2012
Data Source: Various Issues of IISS's *The Military Balance* 1990-1991 to 2013 and SIPRI's Military Expenditure Database.

to another meltdown in the world's financial institutions due to the debt issue and consequently, the deterioration on the world's economy. It will surely affect the Malaysian economy with rippling effects on the defence budget and may result in smaller allocation for the developmental and operating expenses for the MAF. Thus, Malaysian defence planners need to undertake the necessary precautionary measures to overcome this challenge to ensure that the security of the country can be safely assured during the recession period with possible budget cuts.

Malaysia's defence budgets and its consequent defence expenditures over the years since 1988 reflects a general downward trend and achieving a level of not more than 2% of its GDP despite showing an increase in the actual amount for both its defence budgets and defence expenditures. It is very likely that this trend will continue in the future with the fiscal measures taken by the government in its effort to reduce the country's debt.


MALAYSIA'S DEFENCE BUDGET AND DEFENCE EXPENDITURE AS A PERCENTAGE OF GROSS DOMESTIC PRODUCT



Graph 3: Malaysia's Defence Budget and Defence Expenditure As A Percentage of GDP

Data Source: Various Issues of IISS's *The Military Balance* 1990-1991 to 2013 and SIPRI's Military Expenditure Database.

MALAYSIA'S DEFENCE OPERATING AND DEVELOPMENT EXPENDITURES



Graph 4: Malaysia's Defence Operating and Development Expenditures 2001-2011
Data Source: Data from the Malaysian Ministry of Defence Annual Reports 2002-2012.

The graphs provided also confirms that in times of economic recessions or financial crises, there will definitely be a reduction in the defence budget. More importantly, there is a decreasing trend in the apportionment of the defence development expenditure (DE) funds and a marked increase in operating expenditure (OE) funds. A major portion of Malaysia's defence operating expenditures relates to personnel emoluments (PE) due to the increase in its personnel's salaries and allowances.

It is very likely that the trends observed may continue indefinitely until such time the country's debt is more manageable. Pragmatic and practical measures need to be put in place by defence planners and commanders at every level to deal with these challenges so as to ensure that the MAF can continue to safeguard the country's integrity and sovereignty at all times.

There is also a need to rethink of budgetary measures that can assist the MAF in discharging its roles and tasks effectively in times of economic recession or financial crises. There is also a need to incorporate some form of measures in the longer term developmental plan for the MAF for the possibility of economic recession occurrences in every decade.



Program JIWA MURNI KD DUYONG

Di Surau Kampung Luat Lenggong Perak

Oleh: PW II PLM Anuyai Kamarudin bin Mohamed

Lenggong, 21 Ogos 15 - KD DUYONG telah menganjurkan Program Jiwa Murni dan Majlis Makan Malam bersama penduduk Kampung Paya Luat, Lenggong. Program Jiwa Murni telah diadakan di surau kampung tersebut

Seramai 70 warga KD DUYONG serta penduduk Kampung Paya Luat terlibat dalam menjayakan aktiviti tersebut. Warga dan penduduk kampung telah berkumpul pada jam 4.45 petang di kawasan surau tersebut untuk memulakan kerja-kerja pembersihan dan pemuliharaan surau berkenaan. Selain membersihkan kawasan warga KD DUYONG mengambil peluang beramah mesra dengan penduduk tempatan. Usaha murni ini merupakan sebahagian daripada Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang giat dilaksanakan oleh TLDM.

Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi membina semangat ukhuwah dan silaturahim di kalangan warga *Navy People* bersama penduduk setempat bagi memanfaatkan keberkatan melaksanakan aktiviti amal. Program berjalan lancar dengan kehadiran warga KD DUYONG dan penduduk setempat yang ditugaskan untuk memberi khidmat seperti mengecat pagar, membersihkan persekitaran surau, longkang, tandas, mencantas pokok dan membersihkan kawasan dalam surau.

Pada sebelah malam, majlis ramah mesra bersama penduduk setempat telah diadakan. Lebih menarik lagi menu makan malam telah disediakan sendiri oleh warga KD DUYONG.



Warga KD DUYONG membersihkan kawasan Surau Kampung Paya Luat, Lenggong

Rata-rata penduduk kampung telah memberikan maklum balas positif mengenai penganjuran program berkenaan dan berharap ia akan diteruskan dari semasa ke semasa. Program ini juga adalah faktor utama dalam membentuk perpaduan antara *Navy People* dan masyarakat umum yang merupakan kunci bagi mendukung Visi TLDM iaitu menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia.

Acara berakhir dengan jayanya. Cenderahati dari KD DUYONG kepada penduduk setempat telah disampaikan oleh Lt Mohamad Sidiq bin Mohmad Arif TLDM, Pegawai Latih kepada wakil penduduk. Ini bagi menghargai bantuan dan sokongan penduduk setempat dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang.



Menikmati hidangan sambil beramah mesra bersama penduduk kampung



Penyampaian cenderahati kepada wakil penduduk

Program

JIWA MURNI PESERTA KURSUS INDUKSI BINTARA SIRI 3/15 BERSAMA PENDUDUK KAMPUNG PASIR PANJANG LAUT



Gambar kenangan warga Pusat Kepimpinan TLDM dan Peserta Kursus bersama penduduk Kampung Pasir Panjang Laut

SERI MANJUNG - Pusat Kepimpinan TLDM telah mengkoordinasikan Program Jiwa Murni bersempena Kursus Induksi Bintara Siri 3/15 bertempat di Kampung Pasir Panjang Laut, Seri Manjung Perak pada 23 Ogos 2015.

Program ini melibatkan seramai 98 orang peserta dan 20 warga Pusat Kepimpinan. Program ini adalah sebahagian pengisian aktiviti kepada peserta kursus dalam usaha untuk membentuk bakal pemimpin yang sentiasa menerapkan elemen nilai-nilai murni dalam sanubari bagi memantapkan sahsiah diri serta menjadi individu yang boleh dijadikan contoh teladan yang baik.

Program ini dirasmikan oleh Ketua Kampung Pasir Panjang Laut, Haji Rosli Mohamad. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti mengecat bangunan sekolah, membersihkan kawasan perkuburan dan mengindahkan kawasan persekitaran. Program ini juga dimeriahkan dengan aktiviti sukan bersama penduduk kampung dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua golongan dan peringkat umur.

Antara lain, objektif program ini adalah untuk memberi penghayatan tentang kepentingan program jiwa murni bagi meningkatkan kecemerlangan dalam pembentukan sahsiah diri yang mampan. Selain itu, program ini juga dapat melahirkan pemimpin yang mempunyai sikap toleransi dan pemahaman intelektual yang tinggi dalam membentuk organisasi yang cemerlang. Program ini juga bertujuan untuk mewujudkan perhubungan baru dan mengeratkan tali silaturahim antara anggota TLDM dengan masyarakat setempat serta memberi pendedahan awal kepada peserta kursus dalam aspek menguruskan pelbagai bentuk perkhidmatan komuniti bersama masyarakat sekaligus mempromosikan TLDM kepada generasi muda.


Diharapkan agar peserta kursus dapat meng-implementasikan konsep ini dalam kerja seharian agar mutu dan kualiti tugasan yang diamanahkan dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam program ini dapat dijadikan panduan oleh peserta dalam melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan di organisasi masing-masing.



Peserta Program sedang membersihkan kawasan tanah perkuburan




Peserta Program sedang mengecat pagar kawasan perkuburan



Peserta Program sedang mengecat bangunan dinding sekolah

Program ini juga akan diteruskan pada masa akan datang agar semua pihak dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan jujur dan ikhlas serta memahami tugas dan tanggungjawab bagi memantapkan modal insan secara berterusan. Selain itu juga, dengan kerjasama pihak TLDM dan penduduk setempat program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan serta memberi impak yang positif dalam pembentukan modal insan yang cemerlang bagi mencapai objektif yang digariskan.

Secara tidak langsung aktiviti seperti ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan di antara penduduk setempat dan pihak TLDM dan kerjasama yang diberikan oleh penduduk setempat kepada warga TLDM dalam menjayakan program ini amatlah dihargai.



Taklimat oleh PW I PBS (I) Mohd Izani bin Shafie kepada peserta program



Adoption of NBOS Initiatives between STC RMN and FRAM

As the country continues its journey towards becoming an advanced nation by 2020, the government has adopted Blue Ocean Strategy in November 2009 to deliver programs and services to the public that are high-impact, low cost, and rapidly executed. Through National Blue Ocean Strategy (NBOS), over 80 ministries and agencies from the police and military, and many other organizations are collaborating to execute various NBOS initiatives that are transforming the country.

NBOS INITIATIVE:
SUBMARINE TRAINING CENTER (STC RMN) AND FIRE AND RESCUE ACADEMY MALAYSIA (FRAM)

By: Cdr Mohd Razib bin Tahir RMN



Gift Exchanges during the Closing Ceremony

Although NBOS was developed with the intention to motivate the private sectors and industries to create new demands by venturing into areas of greater potential, this concept has been tailored and adopted into the Malaysian environment particularly by the public sector. As an example, Malaysian Armed Forces (MAF) had been involved in the building, restoration of houses and provision of water supply through the collaborative effort of the Ministry of Defence and the Ministry of Regional and Rural Development. Others includes, Joint Patrol and sharing of facilities between MAF and Royal Malaysian Police (RMP) in NBOS 2 which was launched in March 2010.

The STC RMN was quick to adopt the NBOS initiative as a strategy to find creative solutions for training benefit and development of the Submarine Force. It started in 2011 when STC RMN realized the need for Fire Fighting training ashore for submariners based in Kota Kinabalu Naval Base. The STC RMN started to plan and formulate the training package with the Fire and Rescue Department of Malaysia in Tuaran, Sabah where the Fire and Rescue Academy Malaysia of Sabah (FRAM) facility is located. Since its inception, FRAM Sabah has implemented more than 500 courses, including 8 series of basic fire-fighting course. Initial average courses per year were 24 courses however due to increasing demands it's now averaging at 40 over courses per year involving a total of 40 participants at a time.



BATG Provides Realism and Challenging both Physical and Mental of Trainees

The cooperation between STC RMN and FRAM Sabah had broken the silo between the two and saved substantial costs of training. STC RMN now has access to a great training facilities in Tuaran which is highly important for submariners either for maintaining the currency of in date submariner and the new trainees. In FRAM, submariner were focused on the Breathing Apparatus Training Gallery (BATG) and Compartment Fire Behavior Training (CFBT) to simulate the close compartment as it was in the submarine. The BATG is particularly impressive as it could be simulated with total darkness with heavy smokes and heated up to 70 degrees Celsius. This simulation and training gives sense of realism similar to the situation onboard submarine in case of real fire.

During the closing ceremony of recent series of training in February 15, FRAM Deputy Commandant has commended the quality of submariners undergoing the training and expressed the fact that FRAM is proud to be partners in helping the development of submariners training and look forward to explore the more challenging courses in future.



NBOS - PASKAL DALAM PROGRAM REMAJA BERWAWASAN

Oleh: Lt Muhamad Asri bin Marsimin TLDM

Program Remaja Berwawasan (PRB) merupakan di bawah Program *National Blue Ocean Strategy* 8 (NBOS 8). Program PRB ini telah dilaksanakan di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Pusat Bina Semangat Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) Sekakap, Mersing Johor dan di Kem PLKN Akademi Kepimpinan Segari, Lumut. Terdapat tiga agensi utama yang telah melaksanakan program ini iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Jabatan Perpaduan Integriti Nasional juga turut terlibat memberikan kerjasama dalam menjayakan program ini.

Penglibatan PASKAL dalam program ini melibatkan pelajaran latihan ikhtiar hidup. Pelajaran ikhtiar hidup atau *survival* boleh didefinisi sebagai keadaan untuk terus hidup. Ia juga boleh diertikan sebagai keupayaan atau keadaan sesuatu itu untuk terus hidup. Ikhtiar hidup itu adalah melakukan sesuatu yang perlu dilakukan untuk meneruskan hidup dan mati itu bukanlah satu pilihan.

Dalam pelajaran Ikhtiar Hidup mungkin berlaku semasa kegiatan luar dilaksanakan seperti kehabisan bekalan makanan dan minuman, ancaman hidupan liar, masalah perlindungan dan sebagainya. Cara mengatasinya adalah dengan melakukan perancangan atau persediaan dari segi mental, fizikal, teknikal dan material. Di dalam situasi ikhtiar hidup berfikir secara bijak bermakna anda membuat keputusan yang tepat dan jangan berputus asa. Apa perlu dibuat jika anda sesat di hutan? Sabar, yang pentingnya anda hendaklah berikhtiar untuk mengelakkan diri dari ancaman persekitaran yang mungkin berbahaya dengan kemudahan yang terhad. peserta juga diajar jika memerlukan mereka bermalam di hutan sekiranya sesat.

Pelajaran mengenali tumbuh-tumbuhan merupakan pelajaran penting bagi peserta program, kaedah menguji tumbuh-tumbuhan juga diajar bagi mengelak dari termakan tumbuh-tumbuhan beracun. Selain itu juga, peserta diajar membuat atap menggunakan daun bertam dan diperlihatkan dengan beberapa contoh pondok sementara, pondok-pondok ini bertujuan melindungi diri sebagai tempat berteduh sementara untuk berlindung dari hujan, dahan kayu jatuh, mengelak dari ancaman binatang buas dan haiwan berbisa. Selain itu juga pelajaran menghidupkan api menggunakan kaedah semula jadi seperti batu, kayu dan logam juga turut diajar, banyak perkara yang boleh dilakukan jika api berjaya dihidupkan selain dari memasak dan memanaskan diri ia juga dapat mengelak dan menghalau binatang buas. Pelajaran cara-cara menyulingkan air juga telah diajar kepada peserta ini merupakan pelajaran sekiranya berlaku keadaan terdampar di pulau yang tiada bekalan air tawar.

Di akhir program ini kesemua pelatih dan guru-guru pengiring diajar cara memasak dan telah diberi peluang merasai sendiri masakan yang telah dimasak menggunakan buluh, buah kelapa dan daun. Hidangan yang telah dihidangkan adalah pangsuh ikan, pangsuh ayam, umbut pokok palma, ikan bakar dan beberapa makanan eksotik juga telah dipertontonkan. Sebelum berakhir program, jurulatih PASKAL telah mendapat tepukan gemuruh dari peserta program dan guru-guru yang mengiringi mereka, walaupun sumbangan ini kecil tetapi memberi impak yang besar kepada semua peserta program.



Jurulatih menerangkan bagaimana untuk membina pondok di dalam hutan



Taklimat Ikhtiar Hidup di Hutan

Majlis Penutup
PROGRAM SUMMER CAMP 8/15 DI PLKN SEGARI

Oleh: PR Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM

Lumut, Perak – Majlis Penutup Program Summer Camp (PSC) Siri 8/15 di bawah Program Remaja Berwawasan (PRB) peringkat Negeri Perak telah disempurnakan oleh YBhg Panglima Pendidikan dan Latihan Laksamana Muda Dato' Abd Rahman Abd Karim bertempat di Kem PLKN Akademi Kepimpinan Segari, Lumut, Perak pada 11 Sep 15. Turut hadir di majlis penutup adalah pegawai-pegawai kanan daripada setiap agensi yang terlibat.

Program yang bermula pada 7 hingga 11 September 2015 ini merupakan salah satu program di bawah National Blue Ocean Strategy 8 (NBOS 8) yang dikelolakan oleh Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM manakala unit KD PELANDOK pula dilantik sebagai pasukan penganjur.

Terdapat tiga agensi utama yang telah melaksanakan program ini iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Agensi-agensi lain seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Jabatan Penjara Malaysia juga turut memberikan kerjasama dalam menjayakan program ini. Seramai 600 orang pelajar diiringi 150 orang guru, jurulatih dan sekretariat yang terdiri dari pelbagai agensi terlibat dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang telah dirancang khusus.

PSC merupakan inisiatif yang keempat bertujuan menangani masalah disiplin dikalangan pelajar sekolah. Pelajar-pelajar ini didedahkan dengan pelbagai modul kursus termasuk ketenteraan, motivasi dan kaunseling, kemahiran individu dan kumpulan, kepimpinan serta kerohanian. Antara aktiviti yang dijalankan di sepanjang 5 hari program ini adalah ceramah kerjaya PDRM, Rempuh Halangan, Flying Fox, Kaunseling, Pembentukan Jati Diri, Jungle Tracking, Ikhtiar Hidup serta Lawatan ke Kapal TLDM dan KD DUYONG. Di samping itu, elemen kerohanian dan moral juga diterapkan melalui aktiviti Solat Berjemaah dan Tazkirah serta Kelas Moral bagi yang bukan beragama islam.









Anugerah Sekolah Terbaik telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Poi Lam, Ipoh berdasarkan kriteria yang ditetapkan di antaranya semangat kerjasama berpasukan dan memenangi beberapa aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini.





LATIHAN PENEMBAKAN SENJATA KECIL DAN PENGENDALIAN Piroteknik KD SRI PINANG

KD SRI PINANG telah melaksanakan Latihan Penembakan Senjata Kecil dan Latihan Pengendalian Piroteknik bagi seluruh warga unit pada 22 dan 23 Ogos 15 di Lapang Sasar Batalion 2 Kem Gerakan Am, Kulim, Kedah.

Latihan ini juga telah dianjurkan bersama-sama Hari Bersama Majikan yang bertujuan memberi pendedahan kepada pihak majikan mengenai aktiviti ketenteraan yang disertai oleh staf masing-masing sepanjang penglibatan mereka dalam Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM). Latihan ini turut melibatkan penyertaan dari Pegawai Kadet Kursus *Square Bashing* Bakal Pegawai PSSTLDM.

Objektif pelaksanaan latihan ini adalah untuk menyokong *Key Performance Indicator* Pasukan Simpanan TLDM (PSTLDM). Selain itu, latihan ini juga bertujuan mewujudkan persefahaman dan hubungan yang baik di antara TLDM dengan sektor awam/ swasta di samping menguji kefungsian senjata kecil unit. Jenis-jenis senjata yang digunakan sepanjang latihan ini adalah Pistol Glock 17, Pistol HK 9, Rifel Colt M16 A1, Rifel M4 A3 Carbine dan GPMG. Manakala penggunaan bahan piroteknik yang terlibat semasa latihan adalah *Grenade Hand Smoke* (Blue, Red, Green and Yellow), *Rocket Hand Fired* 1.5 *Inch* (Illuminating and Red Para) dan *Thunderflash*.

Kesemua warga unit dan para majikan telah diberikan taklimat keselamatan sebelum latihan dimulakan. Latihan dapat dilaksanakan dengan lancar dan selamat hasil daripada kerjasama yang baik dari kesemua peserta yang terlibat. Para majikan menzahirkan rasa terima kasih dan berpuas hati di atas peluang, pendedahan dan pengalaman yang diberikan oleh unit sepanjang latihan ini berlangsung. Melalui latihan ini juga, unit berharap agar pelaksanaan latihan pegawai dan anggota PSSTLDM di masa hadapan mendapatkan sokongan dan kelepasan dari pihak majikan masing-masing. Ini secara tidak langsung dapat membantu unit untuk menyokong Pelan Strategik TLDM 2013-2020: 04 Pasukan Simpanan Yang Aktif.



Latihan pengendalian piroteknik



Latihan penembakan GPMG



Taklimat keselamatan pengendalian Pistol Glock 17 dan Pistol HK 9 sebelum latihan penembakan dimulakan



Latihan Penembakan Rifel Colt M16 A1 dan Rifel M4 A3 Carbine



Konsep KESUKARELAWANAN DI DALAM PASUKAN SIMPANAN SUKARELA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (PSSTLDM)

Oleh: PKK Aliff bin Ab Tahir PSTL Kuching

Perkataan sukarela sekiranya dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke empat; sukarela adalah bermaksud dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah atau dengan rela hati. Sukarelawan pula bermaksud orang lelaki yang melakukan sesuatu dengan sukarela manakala sukarelawati pula merujuk kepada orang perempuan yang melakukan sesuatu dengan sukarela. Wasitah (2013) pula menyatakan sukarelawan adalah individu ataupun kelompok individu yang sangat istimewa dari segi aspek ciri peribadi dan ketelusan terhadap khidmat sukarela atau kerja masyarakat atau bidang kemanusiaan yang disertainya. Ia termasuklah semangat ingin membantu atau meringankan beban pihak lain.

Konsep kesukarelawanan pula sekiranya diperjelaskan menerusi Azizan (2015), ia adalah merupakan satu konsep yang berkaitan dengan sumbangan atau perkongsian masa, sumber, pengetahuan, kemahiran atau kebolehan, pengalaman dan sebagainya yang dilakukan atau dikongsikan secara sukarela iaitu tanpa sebarang paksaan oleh sesiapa tanpa berbayar atau mengharapkan ganjaran dari segi harta benda atau kewangan. Kesukarelawanan manggabungkan tiga perkara atau komponen penting yang masing-masing saling berkaitan antara satu dengan yang lain iaitu kerja sukarela, sukarelawan dan sektor sukarela. Kerja sukarela adalah merupakan suatu tindakan, kegiatan atau khidmat yang dilakukan secara sukarela. Sukarelawan pula adalah merupakan manusia individu atau berkumpulan yang terlibat atau melakukan kerja sukarela. Sektor sukarela pula adalah merupakan hal-hal berkenaan permuafakatan atau organisasi sukarela yang meliputi kumpulan atau kelompok, rangkaian atau jaringan, pertubuhan, pergerakan dan sebagainya yang terlibat dalam kerja atau tindakan sukarela.

Kerja sukarela pula adalah kegiatan yang mesti dilakukan dan dilaksanakan yang lahir daripada cetusan di dalam diri seseorang yang menjadi suatu proses pendidikan dan pembelajaran. Ia merupakan suatu bentuk penyertaan aktif warganegara dalam isu-isu dan kepentingan bersama. Antara tujuan sukarela adalah:

a. Memupuk persaudaraan
b. Memupuk sifat berkasih sayang
c. Memupuk keprihatinan sosial
d. Memupuk sifat bekerjasama di dalam masyarakat
e. Memupuk persefahaman dan perpaduan
f. Memberangsanag bakat dan kebolehan
g. Memperkasakan masyarakat
h. Memupuk semangat patriotisme antara warga
i. Memupuk sifat perpaduan
j. Memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat

Kerja sukarela pula merujuk kepada beberapa prinsip iaitu melibatkan:

a. Sedia berkongsi maklumat, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dengan pihak yang memerlukan
b. Berkhidmat tanpa pilih kasih atau diskriminasi
c. Menyumbang atau berkongsi tanpa mengharapkan balasan
d. Bermula daripada keadaan dan keperluan kumpulan sasar
e. Melibatkan kumpulan sasar dalam sebarang keputusan dan tindakan
f. Manusia atau insan yang menjadi sumber utama dalam kerja sukarela
g. Setiap orang boleh bersukarela atau berkongsi atau menyumbangkan sesuatu

Berpandukan kepada fakta sejarah Negara Malaysia, Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia telah bermula daripada angkatan sukarelawan iaitu dengan pembentukan dua pasukan *The Straits Settlement Royal Naval volunteer Reserve* (SSRNVR). Pasukan tersebut adalah merupakan Tentera Laut Sukarelawan Simpanan Negeri Selat yang telah ditubuhkan oleh kerajaan kolonial British di Tanah Melayu pada 27 April 1934 di Singapura. Pasukan kedua pula telah dibentuk di Pulau Pinang

pada tahun 1939. Pembentukan tersebut adalah bertujuan untuk membantu *The Royal Navy* (RN) bagi mempertanhankan kawasan perairan Tanah Melayu disebabkan pergolakan politik di Asia ketika empayar Jepun sedang giat memperluaskan kuasa dan pengaruhnya ketika era Perang Dunia Kedua.

Pada era awal kemerdekaan pula, Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia yang dikenali sebagai *Royal Malayan Navy* telah dibentuk secara rasmi pada 1 Julai 1958 dengan menjadi sebuah pasukan tentera laut Negara-negara Komanwel. Upacara penyerahan *Royal Malayan Navy* kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pula telah dilakukan pada 12 Julai 1958. Bendera British telah diturunkan dan digantikan dengan bendera TLDM dengan diiringi lagu kebangsaan. Apabila Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1963, Angkatan Tentera Laut Diraja Malaya telah dikenali sebagai Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia dan pasukan simpanan pula dikenali sebagai Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia. Terkini Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (PSTLDM) dikenali sebagai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM). Pasukan ini telah distruktur semula kepada beberapa komponen iaitu:

a. Simpanan Pilihan (PALAPES/PLAS)
b. Simpanan Pakar (Pelabuhan/ Perkapalan/ Limbungan)
c. Simpanan Khusus (Perikanan/ Perubatan/ Jabatan Laut)
d. Simpanan Sukarela Biasa
e. Simpanan angkatan Tetap (Bekas Pegawai dan Lain-lain Pangkat TLDM) (Kementerian Pertahanan Malaysia, 2015)

Terkini, jumlah anggaran anggota simpanan sukarela untuk ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah dianggarkan seramai 65000 anggota pada tahun 2006 dan kerajaan berhasrat untuk menambah jumlah tersebut kepada 600000 anggota. Dilihat menerusi perkembangan awal atau susur galur sejarah Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia, keanggotaan di dalam pasukan adalah bermula daripada sukarelawan.

Sememangnya keanggotaan di dalam Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia adalah bermula daripada semangat kesukarelawanan daripada warga negara. Ia tersangat penting kerana dengan bersukarela ia akan mampu memupuk sifat naluri ingin atau suka melakukan kebaikan tanpa mengira tempat dan keadaan. Selain itu ia akan mampu memupuk keyakinan diri seseorang individu selain menjalin persahabatan diantara seseorang individu dengan seseorang individu yang lain. Ia juga akan menyebabkan seseorang individu itu berasa penting dan berharga dikalangan komuniti membolehkan individu berkongsi minat atau rasa sepunya. Bersukarela juga mampu memperbaiki atau memajukan diri selain dapat menyumbang bakat, kebolehan atau kemahiran sedia ada. Bersukarela juga membolehkan seseorang itu memperjuangkan cita-cita dan idealisme masing-masing kearah sesuatu yang lebih baik. Sekiranya dibincangkan dengan lebih mendalam sikap atau sifat bersukarela, ia akan membolehkan seseorang itu mencetuskan pelbagai perkara bermula perkara yang kecil sehingga kepada sesuatu yang boleh mengubah destinasi dan matlamat negara.

Oleh yang demikian, diharapkan semangat juang menerusi konsep kesukarelawanan ini akan terus diterapkan dan diserapkan didalam semua lapisan masyarakat khasnya kepada generasi muda agar kemajuan dan matlamat negara ke arah negara maju umumnya dan negara yang berdaulat khasnya dapat dicapai dan dikekalkan selama-lamanya.



Majlis Anugerah Kecemerlangan AKADEMIK ATM KE-25 TAHUN 2015

ZON LUMUT DAN PERAK SELATAN

Oleh: Mejar Dailami bin Zahari dan Sjn Shazali bin Talib
Foto: PR Markas Pangkalan Lumut

Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM Ke-25 Tahun 2015 Zon Lumut dan Perak Selatan diadakan di Auditorium Venus KD SULTAN IDRIS I (KDSI I) Pangkalan TLDM Lumut pada 21 Ogos 2015. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg Laksamana Pertama Dato' Wan Othman bin Wan Abd Rahman, Panglima Kejuruteraan TLDM. Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik ini merupakan penganugerahan kepada para pelajar anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang cemerlang dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan SPM. Majlis ini dibiayai sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Seramai 71 orang pelajar menerima penganugerahan ini di mana 32 orang pelajar SPM dan 39 orang pelajar PT3.

Sejak insentif anugerah kecemerlangan akademik ini diperkenalkan pada tahun 1991 iaitu 25 tahun yang lalu, pencapaian akademik anak-anak warga tentera telah menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Contohnya pada tahun 1991, hanya 56 anak anggota yang layak menerima anugerah ini dan jumlah tersebut meningkat. Objektif majlis ini diadakan adalah bagi menghargai anak-anak anggota ATM yang cemerlang di dalam peperiksaan PT3 dan SPM dan bertujuan mengiktiraf kejayaan anak-anak anggota sekaligus menjadi pendorong semangat serta motivasi kepada ana-anak anggota.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Panglima-panglima, Pegawai-pegawai Memerintah dan Pegawai-pegawai Kanan, para ibubapa serta pelajar-pelajar yang terlibat. Majlis ini telah dikoordinasikan sepenuhnya oleh Pejabat Pendidikan KD MALAYA selaku tuan rumah dan kerjasama daripada pihak KDSI I di mana tempat berlangsungnya majlis. Majlis ini secara langsung menunjukkan komitmen serta keperihatinan TLDM di dalam meningkatkan mutu pendidikan anak-anak anggota TLDM. Ini terbukti melalui pelbagai pembangunan dari segi infrastruktur, program-program pembangunan pendidikan dan insentif yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang terdapat di dalam Pangkalan TLDM Lumut.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Pegawai Agama Kanan KD MALAYA, diikuti dengan ucapan Yang Berbahagia Panglima Kejuruteraan. Setelah upacara penyampaian anugerah selesai, para pelajar dan ibubapa turut tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama Panglima Kejuruteraan dan Pegawai-pegawai kanan TLDM. Acara diakhiri dengan jamuan makan tengahari bersama Panglima Kejuruteraan.









Pengiktirafan....Anak-anak anggota ATM menerima insentif di atas kecemerlangan dalam PT3 dan SPM

PROGRAM MOTIVASI KECEMERLANGAN UPSR ANJURAN ATM /PERNAMA TAHUN 2015



Ucapan Perasmian Program oleh PM KD SRI SANDAKAN

Oleh: Lkpl Ardie bin Asoi @ Asri

Kerjasama ATM dan PERNAMA dalam meningkatkan atau pembangunan akademik anak-anak anggota tentera bukanlah suatu yang baru, malah ianya telah berdekad dijalankan. Antara program tahunan yang telah dilaksanakan adalah Program Motivasi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Untuk tahun 2015, program ini telah diadakan di Dewan Seberguna Batalion Ke-22 Rejimen Askar Melayu Diraja (22 RAMD) Kem Sri Kinabatangan Sandakan pada 22 Ogos 2015.

Program motivasi bertujuan untuk memberi panduan dan nasihat kepada anak-anak anggota tentera yang bakal menduduki peperiksaan UPSR tahun 2015 untuk memperolehi keputusan cemerlang. Antara intipati program ini ialah memberi panduan berkaitan teknik menjawab dan menyelesaikan masalah, serta pengurusan masa yang efesien ketika menjawab soalan peperiksaan UPSR.

Bagi zon Sandakan program ini dilaksanakan secara bergilir di antara KD SRI SANDAKAN dan 22 RAMD. Bagi Tahun 2015 penganjur program ini ialah 22 RAMD. Majlis perasmian program motivasi telah dirasmikan oleh Kdr Salleh bin Sauli TLDM Pegawai Memerintah KD SRI SANDAKAN, ini disebabkan pegawai memerintah 22 RAMD terlibat operasi di Lahad Datu. Kapten Saidi bin Mokhtar, Pegawai Rekod Pasukan 22 RAMD hadir mewakili Pegawai Memerintah, serta Encik Ahmad Syahiq bin Mohd Yusuf, pengurus PERNAMA Kem Sri Kinabatangan, Sandakan. Dalam ucapan Pegawai Memerintah KD Sri Sandakan telah merakamkan ribuan terima kasih bagi pihak ATM kepada pihak PERNAMA di atas kerjasama dalam menjayakan program yang bermanfaat ini serta memberi peringatan bahawa peperiksaan UPSR merupakan langkah awal untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam pendidikan di masa akan datang.


Pelajar mendengar panduan untuk subjek Bahasa Inggeris

Penyertaan pelajar terdiri daripada 25 anak-anak anggota daripada Markas Pangkalan TLDM Sandakan dan 22 RAMD yang bakal menghadapi UPSR 2015. Penceramah jemputan yang tidak asing lagi dalam dunia pendidikan dan berpengalaman dalam bidang masing-masing seperti berikut Puan Maslina @ Masning binti Zaiton dari Sekolah Rendah Bandar untuk subjek Bahasa Melayu, Puan Ayu Sarini dari SK Kem Tentera bagi subjek Bahasa Inggeris, Encik Mohd Hafiz Zuraimy bin Damsah dari Sekolah Rendah Rancangan Lubuh bagi subjek Matematik, dan Encik Shamsul bin Yusri dari Pejabat Pendidkan Sandakan bagi subjek Sains.


Panduan untuk subjek Matematik

Program seperti ini bukan saja dapat membantu anak-anak warga tentera membina keyakinan diri malah membuka minda pelajar agar lebih focus untuk menghadapi peperiksaan UPSR. Adalah diharapkan program motivasi UPSR anjuran ATM dan PERNAMA ini dapat dilaksanakan setiap tahun dengan penambahbaikan berterusan demi kecemerlangan akademik anak-anak tentera. Sejarah telah membuktikan bahawa program seumpama ini telah berjaya melahirkan anak-anak tentera yang cemerlang dalam bidang akademik dan menjadi modal insan yang berguna kepada negara amnya dan ATM khasnya.



Pelajar-pelajar bergambar setelah tamat program motivasi



PROGRAM SENTUHAN DIRI MAHASISWA-MAHASISWI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SRI ISKANDAR

Oleh: Lt Kdr Mohd Amrihisham bin Che Zahari TLDM
Foto: BK PBK (I) Noor Azrul bin Mohamed Noor

SRI ISKANDAR - Sama ada mahu atau tidak, masyarakat kini harus menerima hakikat bahawa generasi muda merupakan tunjang dan nadi kekuatan negara kerana mereka merupakan golongan pewaris masa hadapan.

Bagi memastikan negara dapat melahirkan generasi muda yang mempunyai kekuatan dari segi sahsiah, emosi dan kerohanian diri bagi membolehkan mereka benar-benar bersedia untuk mengambil alih warisan negara pada masa depan. Justeru, Program Sentuhan Diri anjuran Pusat Kepimpinan TLDM (PK TLDM) bagi mahasiswa-mahasiswi Universiti Teknologi Mara, SRI Iskandar yang diadakan pada 22 Ogos 15 dilihat sebagai satu pengisian bagi mencerna jati diri selain membentuk potensi dan disiplin pelajar.

Program ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial TLDM kepada Kementerian Pelajaran Malaysia terutamanya kepada sekolah-sekolah dan juga pusat-pusat pengajian tinggi. Ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan di dalam *Blue Ocean Strategy* iaitu kerjasama di antara kementerian dalam menangani isu-isu yang berkaitan. Pelaksanaan program ini banyak melibatkan aktiviti-aktiviti berpasukan dalam usaha mencapai objektif program iaitu:

a. Memberi kefahaman dan penghayatan tentang nilai-nilai murni dalam bekerja secara berpasukan;
b. Menggilap dan menambah lagi kemahiran dalam pengurusan diri, kepimpinan dan organisasi;
c. Berfikiran positif dan bersedia menghadapi dunia alaf baru daripada pelbagai sudut dan menjurus motivasi dalam diri individu;

Seramai 91 pelajar daripada pelbagai bidang berlangsung sehari itu yang meliputi aktiviti-aktiviti berpasukan selain pelajar juga diterapkan dengan penyampaian teori yang memberi fokus kepada kepimpinan, kerjasama, komunikasi, kreativiti dan integriti. Selain itu, para pelajar turut didedahkan dengan aktiviti aspirasi 1 Malaysia yang meningkatkan semangat nasionalisma. Program interaksi dan toleransi antara kaum yang membawa kepada perpaduan kaum dan pembentukan insaniah, bagi melahirkan pelajar-pelajar berkualiti serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, melalui permainan dan aktiviti luar, pelajar turut diterapkan dengan nilai-nilai kesetiaan, persahabatan dalam kumpulan dan membina semangat jati diri. Akhir sekali, aspek kerohanian turut disentuh melalui program sentuhan rohani bagi memberi kesedaran bahawa aspek kerohanian juga amat penting di dalam kehidupan seharian pelajar.

Diharapkan program yang telah dijalankan ini dapat memberi impak yang positif kepada pelajar dari segi pengalaman dan pengetahuan baru dalam menghadapi era dunia yang kian mencabar kini.



Sumbangan Cenderahati oleh Kaunselor Universiti Teknologi Mara, Sri Iskandar sebagai tanda penghargaan



Ucapan Majlis Penutup Program Jati Diri disempurnakan oleh Ketua Jabatan Pengajian Kepimpinan Lanjutan, Lt Kdr Shahrul Azimal Hj Iberahim



Peserta Program Jati Diri dalam sesi Kepimpinan bersama Pegawai Waran 1 Ezani Shafie



Program Jati Diri Dalam Sesi Pembentukan Kerja Berpasukan



PERTANDINGAN *SPELLING BEE* MEREALISASIKAN USAHA MEMPERKASA BAHASA INGGERIS

Oleh: Lt Dya Siti Fatimah binti Muhammad Ali TLDM
Foto: PR Markas Pangkalan Lumut

Bagi merealisaskan usaha untuk memperkasakan penggunaan Bahasa Inggeris, Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) Laut telah menjalinkan usaha sama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menganjurkan Pertandingan *Selling Bee* peringkat sekolah menengah dan sekolah kebangsaan. Pertandingkan ini juga merupakan satu insiatif dan kesedaran tentang pentingnya penguasaan bahasa inggeris dikalangan pelajar sekolah terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga dalam kehidupan era globalisas dan modenisasi kini. Sedar akan kepentingan bahasa inggeris sebagai bahasa utama dalam komunikasi antarabangsa, pertandingkan ini sedikit sebanyak dapat memupuk dan menarik minat para pelajar untuk mendalami Bahasa Inggeris dan sekaligus dapat meningkatkan penguasaan dikalangan pelajar-pelajar sekolah, khususnya.

Pertandingan ini telah berlangsung ada 15 Ogos 2015 di Auditorum Venus KD SULTAN IDRIS I, Pangkalan TLDM Lumut. Format pertandingan ini menggunakan format kalah mati dan telah diadili oleh 6 orang panel profesional yang terdiri daripada Pegawai-pegawai dari Fakulti Pendidikan KD PELANDOK yang diketuai oleh *Bee Master*. Pertandingan ini telah disertai seramai 47 orang pelajar bagi empat kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Sekolah Rendah (7 – 9 tahun), Kategori Sekolah Rendah (10 – 12 tahun), Kategori Sekolah Menengah (13 – 15 tahun), dan Kategori Sekolah Menengah (16 – 17 tahun). Dalam pertandingan tersebut, peserta diberi masa sebanyak 30 saat untuk menyebut dan mengeja semula perkataan yang dibacakan oleh *Bee Master*.

YBhg Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut Puan Sri Sarah bte Ab Ghafar, Timbalan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut Datin Seri Noor Azrina bte Abdullah dan Penaung BAKAT Laut Lumut Datin Rafidah binti Mohamed Shariff turut hadir untuk memberikan sokongan atas usaha yang dilakukan melalui penganjuran pertandingan tersebut. Pertandingan in juga telah disambut baik oleh pelbagai pihak, antaranya wakil dari Pejabat Daerah Manjung, wakil dari sekolah-sekolah disekitar Daerah Manjung dan Sekolah Pangkalan Lumut serta ibu bapa para peserta hadir memberi sokongan positif. Pendidikan anak-anak telah menjadi salah satu keutamaan di samping menjalankan tugas memberikan khidmat kebajikan kepada keluarga TLDM.

Aktiviti tahunan ini telah diadakan semenjak tahun 2011 dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada keluarga *the Navy People* terutamanya di kalangan anak-anak. Ianya merupakan salah satu platform yang bertepatan dalam menyemarak dan menyemai minat, budaya membaca serta celik bahasa terutama dalam Bahasa Inggeris selaras dengan cabaran yang digariskan seiring dengan Wawasan 2020. Sebanyak 6 Formasi BAKAT Laut terlibat dalam pertandingan ini iaitu BAKAT Laut Kuala Lumpur, BAKAT Laut Lumut, BAKAT Laut Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan (MPPL), BAKAT Laut Markas Wilayah Laut 1 (Kuantan), BAKAT Laut Markas Wilayah Laut 2 (Kota Kinabalu) dan Markas Wilayah Laut 3 (Langkawi). Bagi saringan awal, setiap Formasi BAKAT Laut telah menganjurkan pertandingan ini di peringkat masing-masing dalam memilih 2 orang peserta terbaik mengikut kategori yang dipertandingkan. Penganjuran pertandingan ini bukan sahaja telah memperkasakan Bahasa Inggeris malah ianya sekaligus dapat menyumbang kepada Visi TLDM iaitu menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia khususnya dalam aspek penyediakan bantuan perkhidmatan.

Berikut keputusan keseluruhan pertandingan mengikut kategori:

1. Kategori Sekolah Rendah (7 – 9 tahun)

Pertama : Muhammad Haziq Muzakkir bin Noor Azman (Lumut)
Kedua : Tarun Aditya a/l Dilagar Muthumani (Kuala Lumpur)
Ketiga : Iqbal Aiman bin Baharuddin (MAWILLA 2)



2. Kategori Sekolah Rendah (10 – 12 tahun)

Pertama : Muhammad Zarif Irfan bin Hafizan (MAWILLA 2)
Kedua : Daniel Fazly bin Muhd Hamizan (Lumut)
Ketiga : Nur Syafiyya Iezaty bte Sulaiman (Lumut)



3. Kategori Sekolah Menengah (13 – 15 tahun)

Pertama : Aina Nabila bte Imran (Kuala Lumpur)
Kedua : Muhamad Hadif bin Jamaludin (MAWILLA 1)
Ketiga : Balqis bte Md Zahiruddin (MAWILLA 2)

4. Kategori Sekolah Menengah (16 – 17 tahun)

Pertama : Ow Chin Yeung (Kuala Lumpur)
Kedua : Mohamad Ridzuan bin Wahid (MAWILLA 2)
Ketiga : Nurul Hidayah bte Tengku Mohd Solehan (MAWILLA 3)



Juara Keseluruhan :
BAKAT Laut MAWILLA 2



Juara Keseluruhan :
Peringkat Sekolah Rendah:
BAKAT Laut Lumut



Juara Keseluruhan :
Peringkat Sekolah Menengah:
BAKAT Kuala Lumpur



MENGHADAPI PEPERIKSAAN

Oleh: Lt Muhammad Farhan bin Idris TLDM (Pusat Latihan Kapal Selam TLDM)

Setiap insan inginkan kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi. Tambahan pula kian hari persaingan semakin sengit dan hanya yang terbaik sahaja akan dipilih menjadi pemenang selain faktor rezeki pemberian Ilahi. Justeru, untuk menjadi yang terbaik dalam bidang akademik haruslah mempunyai kaedah-kaedah berkesan untuk menghadapi peperiksaan. Di sini saya kongsikan beberapa tip mudah untuk dipraktikkan bersama:

1. Semak jadual.

Menyemak jadual peperiksaan adalah bertujuan untuk mengawal masa untuk belajar adalah mencukupi sebelum tibanya peperiksaan sebenar. Jadual peperiksaan ini juga membolehkan calon membuat jadual atau perancangan ulang kaji secara kendiri.

2. Kunci peperiksaan.

Maksud Kunci Peperiksaan ialah membuat latihan sama berulang kali bagi memastikan calon memperingati langkah-langkah perkiraan bagi subjek Matematik. Selain itu, banyakkan membuat latihan dan ulang kaji bagi mengingati pelajaran lalu selain mengelak diri daripada terlupa fakta sewaktu menjawab peperiksaan kelak.

3. Tentukan keutamaan.

Bagi mata pelajaran yang masih kurang dikuasai, pastikan lebih menekankan mata pelajaran tersebut. Jangan sesekali hanya mengulang kaji mata pelajaran yang diminati sahaja.

4. Banyak mengingat dan membuat kaitan.

Mengingat atau menghafal fakta adalah perkara paling utama ketika belajar. Terdapat pelbagai cara untuk menghafal di mana ianya bergantung di atas kemampuan pelajar tersebut. Antaranya menulis berulang kali nota-nota atau membuat nota kaki secara kreatif (berlukisan dan berwarna). Nota yang menarik akan memudahkan otak untuk mengingati suatu fakta.

5. Merancang persiapan peperiksaan.

Terdapat tiga cara yang harus diamalkan oleh calon bagi menentukan kejayaan di dalam peperiksaan:

a. Sebelum peperiksaan, calon hendaklah tidak putus semangat untuk meneruskan ulang kaji kesemua mata pelajaran. Sentiasa memanfaatkan masa yang ada dan sentiasa menjaga kesihatan diri. Jangan terlalu leka belajar sampai lupa makan dan minum sehingga menyebabkan calon jatuh sakit sewaktu peperiksaan menjelang. Lebihkan makan makanan yang berkhasiat dan pastikan tidur mencukupi supaya calon sentiasa selesa dan dapat menumpukan sepenuh perhatian ketika mengulang kaji. Selain itu, pastikan juga peralatan untuk peperiksaan mencukupi dan berada dalam keadaan baik terutamanya alatan tulis.

b. Pada hari peperiksaan. Bangun di awal pagi dan bergerak ke dewan peperiksaan terlebih awal. Pastikan sarapan di ambil terlebih dahulu di rumah. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan calon daripada tergesa-gesa kerana perbuatan tergesa-gesa menjanjikan pelbagai masalah seperti membuatkan calon panik dan tidak dapat menumpukan perhatian ketika menjawab peperiksaan.

c. Selepas peperiksaan. Setelah selesai menduduki suatu kertas peperiksaan, elakkan diri daripada berbincang soalan yang ditanya di dalam peperiksaan tersebut. Ini perlu bagi mengelakkan perasaan kecewa jika didapati jawapan calon tersebut terpesong atau salah.


6. Elakkan terbabit dengan situasi yang boleh mengganggu perasaan.

Menjelang peperiksaan adalah menjadi lumrah sekiranya diduga dengan pelbagai masalah yang boleh mengganggu perasaan calon. Sebaiknya, berdoalah kepada Allah SWT setelah selesai solat lima waktu bagi calon beragama Islam.

7. Berdoa dan bertawakal.

Setelah pelbagai usaha dan persediaan rapi dilakukan, setiap calon seharusnya berdoa dan bertawakal serta sentiasa yakin diri untuk mencapai kejayaan cemerlang.

Begitulah tip-tip yang dapat dikongsikan kepada calon bagi menghadapi peperiksaan sebagai garis panduan. Diharapkan ianya dapat membuatkan calon lebih yakin untuk menghadapi peperiksaan.





LATIHAN KETENTERAAN TAHUN AKHIR PEGAWAI KADET KANAN UPNM 2015

Oleh: PKK Nur Diyana binti Amin Hafiz

Dalam merealisasikan pegawai tentera laut bertaraf dunia, KDSI I berperanan sebagai medium pengantaraan dalam membentuk, mendidik dan melahirkan seorang pegawai yang berpengetahuan, kompeten dan produktif. Seramai 50 orang Pegawai Kadet Kanan (PKK) Tahun Akhir UPNM 2015 yang terdiri daripada 38 orang dari Cawangan Eksekutif dan 12 orang dari Cawangan Bekalan telah melapor diri bagi menjalani Latihan Ketenteraan Tahun Akhir (LKTA) yang telah direncanakan selama 24 minggu bermula daripada 27 Julai 2015 sehingga 14 Januari 2016.

Sebelum ditauliahkan sebagai seorang pegawai dalam TLDM, PKK perlu menjalani latihan ketenteraan yang telah dikoordinasikan oleh KDSI I. Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk membentuk PKK dalam pelbagai aspek terutamanya dari segi intelektual dan kecergasan fizikal.

Aktiviti pertama yang dirancang adalah aktiviti merempuh halangan yang bertujuan menjana kekuatan fizikal dan mental, dalam masa yang sama dapat memupuk semangat berpasukan antara divisyen. Kesuntukan masa dalam membentuk keserasian sesebuah pasukan antara cabaran yang dihadapi dalam aktiviti ini.

Aktiviti kawad kaki merupakan antara aktiviti yang dapat membentuk seorang anggota supaya dapat berasa megah dengan tatatertib, cergas dan taat setia serta boleh bekerjasama antara satu sama lain dalam satu kumpulan. Selain itu, aktiviti ini yang diketahui sangat berkaitan rapat dengan badan-badan beruniform juga bertujuan untuk pemantapan teknik dan gaya berkawad anggota. Kawad kaki bukanlah satu aktiviti yang hanya memerlukan anggota untuk berbaris, malah ia dapat membentuk jati diri semua anggota.

Seperti yang diketahui umum, aktiviti renang merupakan salah satu aktiviti yang amat sinonim dengan pasukan TLDM. Aktiviti ini sangat penting dalam usaha untuk menyiapkan diri para anggota dalam menghadapi cabaran kerjaya atau dengan kata lain siap sedia dalam mengharungi sebarang kemungkinan ketika bertugas. Justeru itu, aktiviti renang ini bukan sahaja diwajibkan kepada pegawai kadet kanan, malahan juga kepada semua warga TLDM.

Aktiviti mingguan iaitu Larian Pangkalan yang diadakan setiap selasa melibatkan kesemua staf dan pegawai KDSI I bagi memastikan kesihatan tubuh badan anggota sentiasa cergas. Catatan masa diambil bagi setiap larian mingguan dilakukan. Hal ini bertujuan, untuk melihatkan peningkatan catatan masa individu.

Kesemua PKK Tahun Akhir UPNM telah memberikan komitmen yang tinggi serta menunjukkan semangat yang kental sepanjang latihan dan ujian yang telah dijalankan. Nilai kerjasama amat dititik beratkan bagi membentuk jati diri sebenar serta membentuk sifat dan sikap sebagai seorang pemimpin pada karier yang akan datang bagi seorang Pegawai TLDM.



Sedang menjalani ujian renang

TIM PENYELAM KD DUYONG

BERJAYA TEMUI MAYAT MANGSA KERETA JATUH LOMBONG

Oleh: Lt Mohd Rasul bin Saad TLDM



PUCHONG PERDANA

Tim Penyelam dari KD DUYONG telah berjaya menemui mangsa bersama kereta yang dipandunya dalam sebuah lombong di Putra Perdana Puchong. Kereta yang dipercayai jenis Proton WAJA yang didaftar di bawah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur tersebut telah terhumban ke dalam lombong tersebut pada malam 1 Mei 2015 jam 1030.

Operasi menyelamat melibatkan seramai 13 anggota Tim Penyelam dari KD DUYONG diketuai oleh Lt Mohd Rasul Saad TLDM yang ditugaskan untuk kerja pencarian mangsa dan kereta tersebut.

Tim Selam secara langsung dilantik bagi mengkoordinasikan tugasan pencarian tersebut seterusnya tim membuat pemantauan di lokasi kejadian dan mendapati kedalaman maksima kawasan lombong adalah 34 meter dengan rupacara muka bumi bercerun di tebing lombong tersebut sedikit sebanyak menyukarkan operasi mencari dan menyelamat. Kawasan juga merupakan tempat buangan tayar terpakai dan sampah. Tim Selam melaksanakan selaman pertama dengan teknik *spot dive* di lokasi yang disyaki pada kedalaman 9 meter dengan penglihatan bawah air 0.5 meter dan kedalaman dasar jenis lumpur (arm trust) 0.5 meter. Dari selaman beberapa kawasan yang disyaki gagal menemukan mangsa dan kenderaan. Teknik *spot dive* telah dihentikan dan seterusnya menggunakan teknik pencarian *jackstay* dan *snag line*. Selaman kedua pada jam 1010 dengan menggunakan teknik pencarian *jackstay* dan *snag line* di kedalaman 34 meter. Pada jam 1025, penyelam memaklumkan mangsa dan kenderaan telah ditemui di kedalaman 14 meter dengan keadaan kenderaan terbalik dan mangsa masih di dalam kenderaan. Mangsa gagal dikeluarkan berikutan keadaan mayat mangsa yang tersangkut di dalam kenderaan. Tim Penyelam telah melaksanakan semula perancangan bagi mengapungkan kenderaan dan mangsa dengan menggunakan *Lifting Bag* dan kren.

Selaman ketiga pada jam 1100, Tim Selam menggunakan *Lifting Bag* 1.5 ton bagi penimbulan kenderaan tersebut. Pada jam 1130, kenderaan serta mangsa telah berjaya diapungkan dan ditarik menggunakan bot ke tebing lombong. Kren digunakan untuk mengangkat kenderaan dan mangsa ke kawasan selamat. Seterusnya, pihak forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil alih dan membawa mayat mangsa ke Hospital Serdang bagi siasatan lanjut. Turut hadir di tempat kejadian Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur dan Pegawai Daerah Sepang sepanjang operasi dan berterima kasih di atas bantuan yang diberikan oleh pihak TLDM dalam menjayakan operasi tersebut. Turut membantu pihak TLDM ialah Jabatan Bomba dan penyelamat Cyberjaya, Unit Selam Polis Marin, Unit Tindakan Khas (UTK) Bukit Aman, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART).





REUNION RDP/JTP SIRI 1/2015

Oleh: Pak Lang Hamzah

LUMUT - The Orient Star Lumut telah menyaksikan pertemuan semula pegawai dan anggota dari kepakaran RDP/JTP TLDM yang julung-julung kali dianjurkan. Pertemuan kali ini telah menemukan lebih 100 rakan-rakan dari pelbagai *batch* dan generasi serta peringkat pangkat seperti anggota yang tertua dari *batch* 3 digit yang berkhidmat sejak awal 1970an sehinggalah yang termuda yang masih dalam perkhidmatan. Sesuatu yang menarik untuk digambarkan ialah bekas RDP ini bukan sahaja dari kalangan anggota LLP malah ada juga yang sudah ditauliahkan sebagai pegawai.

Ada yang sangat berjaya di dalam mahupun di luar perkhidmatan dalam konteks pangkat dan kedudukan di jabatan-jabatan kerajaan serta berjaya membina organisasi sendiri di bidang perniagaan dan seumpamanya. Malah tidak kurang jumlah mereka yang tidak bernasib baik dalam pertarungan meneruskan kelangsungan hidup setelah menamatkan perkhidmatan.

Mereka bekas-bekas pegawai yang sebelum ini anggota RDP serta bekas-bekas anggota RDP dan anggota-anggota JTP yang masih berada dalam perkhidmatan bertemu dalam suasana santai dan harmoni. Mereka datang dari seluruh pelosok negeri di Semenanjung seperti Johor, Kelantan, Melaka, Perak, Kedah, Perlis, Selangor, Kuala Lumpur dan lain-lain semata-mata untuk melepaskan 'rindu'.

Pertemuan yang singkat ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua yang hadir dengan berinteraksi, bertanya khabar serta bertukar-tukar cenderahati di antara satu sama lain dan bercerita, mengimbau kisah-kisah silam semasa sama-sama di dalam perkhidmatan. Jelas, perjumpaan ini banyak merungkai kisah hidup masing-masing yang selama ini tersimpan sebagai kisah suka duka kehidupan.

Ramai bekas RDP yang telah pun meninggal dunia, sedang terlantar sakit dan seumpamanya. Bagi meringankan beban rakan-rakan yang terlantar sakit, sedikit sumbangan hasil dari kutipan turut dihantar kepada sasaran.

Hari ini kuncu-kuncu panglima perang yang hidup mereka tidak pernah didendang baik di dalam mahupun di luar perkhidmatan, kembali bertemu sebentar mengimbau nostalgia masa lampau bersama rakan-rakan 'eyes of the fleet' yang pernah merintis denai tujuh lautan bersama TLDM dari zaman MCMV kayu, KD HANG TUAH lama, KD LANGKAWI, KD BANGI, KD RAJA JAROM, Skuadron Fast Patrol Boat, Skuadron Patrol Craft, KD SRI INDERAPURA dan lain-lain. Di pertemuan ini mereka kembali menyanyikan lagu Samudera Raya yang mengiringi sumpah keramat SEDIA BERKORBAN berdekad lalu yang pernah mereka ikrarkan.







Evolusi *heaving line transfer* melibatkan kapal TLDM dengan KPV BADANG.



Lawatan oleh wakil TLDM ke PL TSR semasa berada di Pelabuhan Lumut

PELAYARAN PL TUN SYARIFAH RODZIAH KE LAHAD DATU SABAH

Lahad Datu - KD PANGLIMA HITAM telah menugaskan tim pengiring PASKAL bagi mengiringi Pangkalan Laut TUN SYARIFAH RODZIAH (PL TSR) ke perairan Lahad Datu, Sabah pada 9 Jun 15.

Oleh: Lt Mohd Azhar bin Kamaruddin TLDM

PL TSR diwujudkan dengan kerjasama PETRONAS dan TLDM sebagai langkah menghadapi ancaman dari laut yang sering berlaku sejak kebelakangan ini. PL TSR ini berkonsepkan *sea basing* tetapi hanya menggunakan pelantar yang diubah suai bagi mendapatkan kesesuaian dalam pengoperasian ketenteraan. Di samping itu, PL TSR diwujudkan sebagai pangkalan hadapan bagi mendapatkan maklumat dan mengatur gerak tim penggempur yang berada di atas PL TSR dengan serta-merta sekiranya terdapat ancaman dari pihak musuh.

Penundaan PL TSR bermula dari Pelabuhan Lumut hingga ke Pelabuhan Labuan, seterusnya dari Pelabuhan Labuan hingga ke Lahad Datu yang mengambil masa selama 30 hari. Proses penundaan dari Lumut ke Pelabuhan Labuan adalah penundaan kering (*dry tow)* iaitu PL TSR hanya berada di atas *barge* yang ditunda oleh KPV BADANG. Seterusnya, dari Pelabuhan Labuan ke Lahad Datu adalah penundaan basah (*wet tow*) iaitu PL TSR ditarik dalam keadaan terapung. Proses menurunkan dari KPV BADANG dan kerja-kerja pengapungan PL TSR mengambil masa selama 10 hari. Keseluruhan perjalanan tersebut telah melalui Selat Melaka, Selat Singapura merentasi Kepulauan Natuna dan Selat Balabac sebelum tiba di lokasi yang dirancang.



TSR disembarkasi dari KPV BADANG dan diapungkan

Sepanjang proses penundaan, keselamatan PL TSR dikawal ketat oleh tim PASKAL dan kapal-kapal TLDM yang bertugas. Kapal TLDM yang mengiringi PL TSR secara bergilir adalah KD TERENGGANU, KD JERAI, KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dan KD SRI GAYA. Setiap kapal mengambil alih tugas kawalan keselamatan apabila merentasi Kawasan Operasi Maritim masing-masing. Selain itu, bantuan penghantaran bekalan makanan kepada anggota PASKAL yang berada di PL TSR turut dilaksanakan melalui evolusi *heaving line transfer* dan menggunakan bot. Keadaan laut bergelora menyebabkan bantuan sukar disalurkan. Oleh itu, catuan makanan terpaksa dilakukan oleh tim PASKAL.

PL TSR telah menghadapi cuaca buruk semasa melalui kawasan Utara Sabah. Kelajuan angin selaju 40-60 knots (*sea state* 5), penundaan hanya dapat bergerak selaju 2-3 knots sepanjang penundaan dari Pulau Labuan ke Lahad Datu. Ini merupakan cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi oleh krew PL TSR, kontraktor-kontraktor dan tim PASKAL.

PL TSR selamat tiba di perairan Lahad Datu pada 8 Jul 15 bersama semua krew yang terlibat dalam pengoperasian dan proses penundaan. Anggota PASKAL daripada unit KD SRI SEMPORNA mengambil alih tugas sebagai tim keselamatan di atas PL TSR dan memastikan kesiapsiagaan di tahap yang tinggi.

LATIHAN MENEMBAK AKAS TLDM DI KOTA BELUD



Latihan penembakan senjata kecil M4 bermula

KOTA KINABALU - Markas Angkatan Kapal Selam (MAKS) telah melaksanakan latihan kemahiran menembak senjata kecil jenis Rifle Colt M4 Carbine dan General Purpose Machine Gun (GPMG) di Lapang Sasar Menembak, Kem Paradise, Kota Belud selama 2 hari bermula 29 Julai. Seluruh warga Angkatan Kapal Selam (AKAS) TLDM telah terlibat dalam menjayakan latihan ini.



Taklimat diberikan oleh PW I PAP (PKL) Hamdan sebelum latihan dilaksanakan

LAWATAN FNS ACONIT KE PELABUHAN KLANG

Oleh: LK PNK Azami Ab Rahim

PELABUHAN KLANG – Sebuah kapal Tentera Laut Perancis (TLP) FNS ACONIT (F-713) telah berlabuh di Jeti Bousted Cruise Centre, Pelabuhan Klang untuk lawatan operasi selama lapan hari ke Malaysia mulai 22 hingga 29 April 15. Kapal tersebut merupakan kapal pengiring kepada FNS DIXMUDE, kapal Amphibious Assault kelas Mistral yang terlibat dengan Eksesais MALFRAN 15 di perairan Mersing mulai 20 hingga 23 Apr 15. Ketibaan kapal ini telah disambut oleh Komander Suhana Hassan Basri TLDM dan Penasihat Pertahanan Perancis di Malaysia serta beberapa orang pegawai TLDM.

FNS ACONIT (F-713) merupakan sebuah kapal jenis Frigat kelas La Fayette berukuran 125 meter panjang, 14 meter lebar berserta kelajuan maksimum 25 knot. Kapal tersebut ditauliahkan pada 3 Jun 1999 dan terdiri daripada 184 anak kapal termasuk 16 pegawai yang diketuai oleh Pegawai Memerintah Commander Jean-Pierre HELLUY.



FNS ACONIT ketika merapat Jeti Bousted Cruise Centre, Pelabuhan Klang



Krew FNS ACONIT berpeluang melawat serta mengenali budaya masyarakat Malaysia

LAWATAN HMAS DECHAINUEX ERAT KERJASAMA PERTAHANAN TLDM-TLDA

Oleh: Lt Muhammad Danial bin Mohamad Rahim TLDM
Foto: LK KOM Mohamad Hezrin & LK KOM
Muhamad Nur Amin Bin Mas'all



PM dan krew HMAS DECHAINUEX mengemudi masuk kapal selam dari anjungan

KOTA KINABALU - Panglima Angkatan Kapal Selam (PAKS), Laksamana Muda Abdul Rahman Hj Ayob pagi ini telah menerima kunjungan hormat dari delegasi Tentera Laut Diraja Australia (TLDA) pada 10 Ogos 2015 sempena lawatan kapal selam HMAS DECHAINUEX dan Mesyuarat Submarine vs Submarine Exercise (SSX) TLDM-TLDA di Bilik Mesyuarat Utama Markas Angkatan Kapal Selam (MAKS) TLDM .

Hadir mempengerusikan mesyuarat adalah Asisten Ketua Staf (AKS) Operasi & Peperangan, Kept Abdullah Sani Ismail TLDM dan turut disertai AKS Logistik, Kept Abdul Jamal Mohd Nasir TLDM; Ketua Bahagian Latihan Lanjutan PLKS, Kdr Mohd Razib Tahir TLDM; Ketua Bahagian Pengurusan Kejuruteraan, Kdr Khairulnizam Said TLDM dan Pegawai Memerintah KD TRZ, Kdr Mohd Yusri Yusoff TLDM manakala TLDA diwakili oleh Director of Submarine Operations, Commander James Lybrand dan PM HMAS DECHAINUEX, Commander Robin Dainty.

Aktiviti-aktiviti SSX TLDM-TLDA yang dirancangkan dalam mesyuarat ini dapat memberi peluang kepada pegawai dan anggota dari kedua-dua angkatan laut meningkatkan kecekapan mereka dalam aspek operasi serta taktikal kapal selam di samping memperkukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama yang sedia terjalin.

HMAS DECHAINUEX (SSG-76) telah tiba di PTKK pada 4 Ogos lepas bagi lawatan operasi dan rutin senggaraan Self Maintanance Period (SMP) sepanjang berada di jeti operasi Markas Wilayah Laut 2 (MWL2) sehingga 18 Ogos ini. Lawatan operasi dan aktiviti TLDA yang diadakan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) boleh membuka ruang interaksi dan jalinan kerjasama (networking) antara warga kedua-dua Tentera Laut. Warga AKAS TLDM juga berpeluang melihat dan mempelajari tatacara selenggaraan SMP HMAS DECHAINUEX bagi merangka rancangan senggaraan kapal selam sekiranya ditugaskan jauh dari 'home port'.



Taklimat keselamatan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Staf Operasi (KPSO) Kdr Mohamad Hafiz bin Faisal@Faisul TLDM di kapal USS EMORY S. LAND (AS 39)

LAWATAN KAPAL USS EMORY S. LAND DAN USS JACKSONVILLE DI PTKK

Kota Kinabalu - Dua buah kapal Tentera Laut Amerika Syarikat telah memasuki jeti Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) iaitu USS EMORY S. LAND (AS 39) kelas Submarine Tender manakala USS JACKSONVILLE (SSN 699) kelas kapal selam telah merapat di jeti PTKK pada 23 Mei 15. Lawatan ini diadakan dari 23 Mei hingga 1 Jun 15.

Sempena lawatan operasi ini, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya majlis resepsi di Wisma Kejora dan aktiviti sukan iaitu perlawanan bola sepak persahabatan di antara TLDM dan Tentera Laut Amerika Syarikat serta majlis makan malam di kapal USS EMORY S. LAND. Ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi persahabatan antara kedua-dua angkatan laut.

Dalam masa yang singkat ini dapat juga, warga PTKK boleh melihat segala aspek dan aset yang ada di kapal USS EMORY S. LAND (AS 39) semasa kapal dibuka untuk lawatan. Adanya sesi seperti ini dapat mencetuskan idea yang bernas dan dapat bertukar-tukar pendapat serta menambah ilmu dikalangan warga Navy People.

Ketibaan kapal USS EMORY S. LAND (AS 39) di jeti operasi PTKK



AL-QURAN
Pencetus Inovasi Dan Keupayaan Angkatan Perang Terhebat

Oleh: Lt. N. Mohamed Ziad bin N. Mohamed Yusoff TLDM



Manusia dianugerahkan nikmat akal fikiran yang memiliki potensi dan kemampuan yang begitu besar dalam menentu baik buruk sesuatu perkara. Akal fikiran turut dijadikan pembeza darjat antara manusia dengan makhluk yang lain. Lagi menarik, akal fikiran ini berupaya menciptakan inovasi atau perkara-perkara baru dalam kehidupan. Justeru, penggunaan akal yang optimum mampu melakarkan sejarah yang hebat dalam sesuatu tamadun.





Sejarah ada mencatatkan bahawa Islam telah mencapai zaman kegemilangan di zaman pemerintahan Khulafa' Al-Rasyidin di Madinah, zaman pemerintahan Umawi di Damsyik dan zaman kerajaan Abbasiyah di Baghdad. Kerajaan-kerajaan ini menjadikan Al-Quran sebagai panduan dalam pemerintahannya sehingga berjaya menguasai satu pertiga dunia yang meliputi Semenanjung Tanah Arab, Parsi, sebahagian Empayar Rom, Afrika Utara, Sepanyol, Perancis dan Turki. Kecemerlangan ini adalah ekoran dari kitab suci Al-Quran yang menjadi pencetus inovasi kepada tokoh sains dan teknologi seperti al-Khawarizmi, Al-Mas'udi, Jabir Ibnu Hayyan, Ibnu Bajjah, Ibnu Al-Nafis, Ibnu Haitham serta ramai lagi sehingga menjadikan islam sebuah tamadun yang disegani. Namun kegemilangan Islam tidak mampu bertahan lama ekoran dari umat Islam pada ketika itu lupa diri daripada mengingati Allah SWT dan meninggalkan Al-Quran. Hasil-hasil inovasi dalam kehidupan seharian turut menurun yang telah memberi impak besar terhadap kejatuhan tamadun tersebut.





Justeru, kefahaman terhadap Al-Quran seharusnya disemai dan dididik di kalangan warga Tentera laut Diraja Malaysia (TLDM) kerana di dalamnya mengandungi beberapa simbolik yang memfokuskan ke arah penciptaan inovasi untuk memberi sinar kejayaan dalam kehidupan. Antara ayat-ayat Al-Quran yang memberi tumpuan utama terhadap akal manusia sebagai kunci ilmu pengetahuan, penyelidikan dan kajian yang menyentuh tentang alam dan manusia seterusnya mencetuskan inovasi adalah seperti dalam surah Ali-Imran ayat 190:

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang berakal"

Disamping itu, Rasulullah juga bersabda dalam hadithnya:

"Sebaik-baik manusia ialah orang-orang yang bermanfaat kepada orang lain"

Kesinambungan dengan itu, kekuatan jihad yang tinggi harus disematkan dalam warga TLDM demi membangunkan semula keutuhan ilmu dan pendidikan yang mampu mengimbangi cabaran teknologi dan ancaman globalisasi serta faktor-faktor sezaman. Terdapat perkaitan yang kuat bahawa angkatan tentera yang berinovasi akan mendahului zaman dan maju ke depan meninggalkan angkatan tentera yang lain.

Sehubungan itu, warga TLDM seharusnya menjadi warga yang berinovasi, mendidik, memacu pemikiran dengan meneliti dan mengembangkan rahsia tersembunyi yang terkandung di dalam Al-Quran dan di sebalik makhluk ciptaan Allah SWT. Mudah-mudahan dengan kesedaran ini akan melahirkan warga yang bertakwa, memiliki akal yang sempurna, berilmu dan berdaya saing serta menjadi tentera laut bertaraf dunia dan terhebat sepanjang zaman.




NETWORK CENTRIC & STEALTH

TEKNOLOGI YANG SEHARUSNYA DIMILIKI DALAM PERTAHANAN NEGARA

Oleh: PKK Mohamad Termimi bin Mohamad Shuib

Rangkaian Sentrik Peperangan adalah satu teori baru yang muncul pada masa kini namun tentera di Malaysia masih dalam proses mempermodenkan sistem pertahanan negara. *Network Centric Warfare* atau juga lebih dikenali *Network Centric Operation* merupakan komponen utama perancangan untuk transformasi tentera dalam kesiapsiagaan semasa melakukan operasi. Penggunaan rangkaian ini telah digunakan oleh negara-negara yang lebih maju seperti U.S, Australia dan beberapa negara lain. Rangkaian ini adalah gabungan strategi, taktik, teknik dan prosedur dalam menyerang dan membuat keputusan sebelum melakukan serangan. Sistem ini bergantung kepada peralatan satelit dan komunikasi rangkaian teknologi bagi penyampaian maklumat yang dikongsi bersama ruang pertempuran untuk angkatan tentera seperti di **Rajah 1**.



Rajah 1: Menunjukkan dalam perkongsian maklumat di bawah satu kuasa pemerintahan dalam mengeluarkan arahan kepada ketiga-tiga perkhidmatan.

Dengan maklumat yang diperolehi dapat meningkatkan kolaborasi antara tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara di bawah satu doktrin. Doktrin yang sama mesti diketahui oleh ketiga-tiga perkhidmatan supaya memudahkan atur gerak yang ingin dilakukan. Melalui rangkaian ini *Joint Warfare* atau kerjasama antara ketiga-tiga perkhidmatan dapat diperkukuhkan dalam mempertahankan kedaulatan negara seperti yang tercatat dalam Dasar Pertahanan Negara iaitu melindungi kepentingan negara yang menjadi asas kedaulatan, keutuhan wilayah dan kepentingan ekonomi.

Sebelum NCW diperkenalkan tentera menggunakan *Platform Centric* di mana ianya memerlukan penggunaan tenaga yang banyak berbanding menggunakan rangkaian sentrik peperangan. Hal ini kerana, platform sentrik merupakan *Single Connection* yang bermaksud

melakukan sesuatu keputusan hanya untuk satu unit sahaja dan tidak bekerjasama atau berkongsi maklumat dengan perkhidmatan atau unit yang lain. Koordinasi antara ketiga-tiga perkhidmatan adalah sangat penting dalam memastikan keselamatan negara terjamin daripada penceroboh.

Antara teknologi terkini dalam pembikinan iaitu *Stealth* di mana musuh sukar untuk mengesan menggunakan radar. Menurut LIMA 2011, TLDM akan menerima 6 buah kapal versi gowind dan perjanjian dimuktamadkan pada Januari 2012. Kapal Kelas Gowind buatan DCNS iaitu syarikat perkapalan sama yang telah membina kapal selam pertama Malaysia. Kapal ini menggunakan konsep atau aplikasi teknologi halimunan, Kapal Gowind sepanjang 105 meter juga boleh membawa lapan peluru berpandu antikapal antaranya Exocet, Harpoon atau RBS-15 MK. 3 serta torpedo. Di samping itu, kapal jenis ini juga mampu membawa 16 peluru berpandu pertahanan udara jarak sederhana iaitu sejauh 50 kilometer sama ada Aster 15 atau Mica RF dan kapal ini boleh membawa helikopter malah berkemampuan untuk menjadi kapal induk bagi pesawat tanpa pemandu (UAV) untuk tujuan tinjauan laut.

Kapal *Stealth* kelas Gowind mempunyai kadar deteksi radar yang rendah (RCS) kerana reka bentuknya mampu memantulkan semula signal deteksi radar ke arah lain bukannya ke arah kapal. Penggunaan cat serta permukaannya yang rata mampu menyerap signal-signal penjejakan radar di mana menjadikannya bersifat *stealth*.

Jika Malaysia mampu memperoleh teknologi seperti ini, pertahanan negara akan bertambah kukuh dan kedaulatan negara akan terjamin. Penggunaan teknologi masa kini mengikut peredaran masa, maka pihak pertahanan negara harus memainkan peranan dalam menyumbang dana supaya pertahanan negara kita tidak ketinggalan dek zaman teknologi masa kini.

Kapal Tempur Kelas Gowind 200 yang mempunyai sistem *stealth* di mana kadar deteksi radar yang rendah.



Kapal Tempur Kelas Gowind 200 yang mempunyai sistem *stealth* di mana kadar deteksi radar yang rendah



Pemakanan dan Kesihatan Mempengaruhi BMI (*Body Mass Index*)

Oleh : LK TLS Endiero Smith Anak Dam


Sering kali kita dimaklumkan sama ada melalui media massa mahupun kawat mengenai anggota-anggota yang meninggal dunia dalam usia yang muda seawal 30an. Sering kali juga kita akan mendengar ungkapan takdir tapi tanpa kita sedari faktor penjagaan pemakanan dan kesihatan juga memainkan peranan yang penting dalam hal ini.

Sering kali juga kita melihat sebilangan anggota kita yang mengalami masalah berat badan berlebihan. Tanpa menghiraukan masalah yang dialami, anggota meneruskan kehidupan seperti biasa sehingga anggota dipanggil untuk menghadiri kursus kenaikan pangkat. Mulai saat itu barulah anggota mulai memikirkan tentang masalah yang sedang dialami sedangkan selama ini anggota tidak mengendahkan masalah tersebut.



Contoh kategori BMI

PIRAMID MAKANAN MALAYSIA



Contoh makanan yang terdapat pada piramid makanan

BMI ideal adalah antara 20.5 - 25.5 untuk anggota yang berumur bawah 35 tahun manakala yang berumur 35 ke atas adalah dalam lingkungan 21.5 - 27.5. BMI yang kurang daripada 20.5 dikategorikan sebagai kurang berat badan. Manakala berat badan yang melebihi 25.5 adalah tergolong dalam obesiti.

Faktor pemakanan sememangnya punca utama yang menyebabkan masalah ini. Pemakanan yang tidak teratur serta diet yang tidak seimbang akan menyebabkan masalah ini bertambah teruk. Pengambilan kalori yang tinggi berbanding penggunaan kalori harian akan menyebabkan penambahan berat badan yang berterusan.

Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan penambahan berat badan tetapi mengundang lebih banyak penyakit kronik antaranya seperti sakit jantung, darah tinggi, strok dan sebagainya.

Keseimbangan BMI bukan sahaja dapat dikawal melalui pejagaan pemakanan, aspek penjagaan kesihatan juga banyak memberi impak kepada BMI seseorang. Penjagaan kesihatan ini boleh dilakukan melalui aktiviti bersukan atau pun bersenam, mengikut keselesaan individu. Aktiviti bersukan boleh dilakukan selepas waktu berkerja. Selain itu juga anggota bolah membuat senaman di gym yang disediakan di setiap unit. Kini terdapat juga lambakan *gym* yang menawarkan khidmat jurulatih peribadi dengan kadar bayaran yang berpatutan.

Untuk mengatasi masalah lebihan berat badan, pihak organisasi TLDM telah mewujudkan program penurunan BMI. Anggota yang mengalami berat badan berlebihan diarahkan mengikuti program khas ini di bawah seliaan jurulatih jasmani pasukan. Namun begitu, berjaya atau tidak program ini mencapai maksudnya adalah bergantung kepada kesungguhan individu itu sendiri dalam melaksanakannya.

Kesimpulannya pemakanan dan gaya hidup sememangnya banyak mempengaruhi kesihatan tubuh badan kita. Amalan pemakanan yang seimbang, diet yang betul serta akitviti harian yang betul dengan pemakan yang di ambil mampu membentuk anggota yang mantap.

PENCAPAIAN

MEMBERANGSANGKAN ATLET TLDM YANG MEWAKILI NEGARA DI TEMASYA SUKAN SEA 2015 SINGAPURA

Oleh: LEKAS TLDM

Kejohanan Sukan SEA kali Ke-28 yang telah berlangsung pada 5 hingga 16 Jun 2015 di Singapura telah membuktikan keupayaan atlet-atlet TLDM dalam memberi saingan hebat kepada atlet-atlet dari negara luar dengan memperolehi pencapaian yang membanggakan.

Malaysia meraih 62 pingat emas pada temasya Sukan SEA Ke-28 dengan melepasi sasaran maksimum 184 pingat atau 56 peratus jumlah pingat keseluruhan. Kontinjen negara meraih 62 emas, 58 perak dan 66 gangsa daripada temasya itu yang berlangsung secara rasmi selama 11 hari bermula 6 Jun lalu.

17 pingat (4 emas, 6 perak dan 7 gangsa) yang dimenangi oleh atlet TLDM adalah sebahagian daripada keseluruhan 186 pingat yang dimenangi oleh kontinjen negara (62 emas, 58 perak dan 66 gangsa). Daripada 26 atlet TLDM yang mengambil bahagian, seramai 17 atlet berjaya menyumbang pingat kepada negara (65%). Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan seterusnya membuktikan atlet TLDM mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa dan seterusnya mengharumkan nama TLDM.

Pencapaian yang paling membanggakan adalah kejayaan 8007861 LK I TLS Muhammad Hakimi Ismail yang berjaya mencipta rekod baharu Sukan SEA bagi acara Lompat Kijang. Muhammad Hakimi Ismail adalah atlet paling boleh dibanggakan selepas berjaya mencipta sejarah tersendiri dengan menamatkan penantian 18 tahun acara lompat kijang lelaki dengan meraih pingat emas sekali gus mencipta rekod baru Sukan SEA dan juga rekod kebangsaan. Kali terakhir Malaysia meraih pingat emas acara berkenaan ialah pada Sukan SEA 1997 di Jakarta, Indonesia menerusi Mohd Zaki Sadri dengan catatan sejauh 16.05 meter. Beliau turut memadam rekod 16.67m milik atlet Vietnam, Hung Nguyen Van pada Sukan SEA 2013 di Myanmar.

Manakala 8008519 PTM Mohd Harif Saleh pula berjaya memenangi 2 pingat emas dalam acara Lumba Basikal bagi kategori *Men Criterium* dan kategori *Men Mass Start Road Race.* 8007493 LK I TNL Saritha Cham Nong memenangi 1 pingat emas bagi acara memanah kategori *compound* wanita berpasukan.

Malaysia tuan rumah edisi yang berikutnya. Seramai 2,310 atlet dijangka akan dinamakan oleh pihak persatuan sukan kebangsaan untuk menjalani latihan fasa pertama Program Penyediaan Atlet ke arah Sukan SEA 2017. Jika temasya Sukan SEA Singapura diletakkan sebagai 'Sukan Pembangunan', atlet Malaysia perlu mempergiatkan usaha ke tahap optimum untuk mengulangi kejayaan 2001.



Detik-detik kegemilangan atlet TLDM di temasya Sukan SEA 2015 di Singapura

KEJOHANAN PAYUNG TERJUN
SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM 2015

Oleh: LEKAS TLDM Foto: PR MkTL

Kuala Terengganu - Kejohanan Payung Terjun ATM Tahun 2015 telah dilangsungkan di Padang Stadium Gong Badak Kuala Terengganu, Terengganu bermula 17 hingga 26 Okt 15. Kejohanan kali ini mempertaruhkan 4 acara iaitu acara Ketepatan Payung Terjun Tentera (*Accuracy Military Canopy*), Ketepatan Payung Terjun Sukan (*Accuracy Sport Canopy*), Kerjasama di Udara (*Formation Skydiving*) dan Kerjasama Kanopi Udara (*Canopy Formation Skydiving*).



Gambar Kenangan bersama Ketua Pengarah Hidrografi dan Mentor Payung Terjun TLDM Ketua Staf MAWILLA 1



Gambar Kenangan peserta-peserta Kejohanan Payung Terjun bagi ketiga-tiga perkhidmatan

Kejohanan kali ini turut dimeriahkan dengan kehadiran 8 persatuan payung terjun dari organisasi seperti PDRM, JPBM, Kelab Wilayah, Kelab MCCF, Euroclass Skydive, 604 Skydive, Jawa Barat Skydive dan TNI-AD. Pesawat jenis CN235 telah digunakan sepanjang pertandingan payung terjun ini berlangsung.

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat YBhg Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor. Turut hadir pada Majlis Penutup Kejohanan adalah Ketua Pengarah Hidrografi YBhg Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim Hasan dan Mentor Pasukan, Ketua Staf MAWILLA 1, Kept Jamaludin Hj Sairi TLDM. Pasukan TLDM telah berjaya membaiki keputusan kejohanan tahun lepas dengan memenangi tempat kedua menewaskan TDM manakala TUDM masih lagi mempertahankan gelaran mereka sebagai Johan dalam sukan ini.

Berikut Keputusan Keseluruhan Kejohanan:

1. Accuracy Military Canopy

Emas – TUDM
Perak – TDM
Gangsa – TLDM

2. Accuracy Sport Canopy

Emas – TUDM
Perak – TDM
Gangsa – TLDM

3. Formation Skydiving

Emas – TLDM
Perak – TDM
Gangsa – TUDM





Penyampaian hadiah kepada Pasukan TLDM oleh Ketua Pengarah Hidrografi Ybhg Laksamana Muda Dato' Pahlawan Zaaim bin Hasan



TLDM PERTAHANKAN GELARAN JUARA MEMANAH

Oleh: PR Markas Pangkalan Lumut



Aksi sepanjang kejohanan berlangsung



Aksi sepanjang kejohanan berlangsung

Lumut – TLDM sekali lagi berjaya mempertahankan gelaran juara dalam Inter Service Games (ISG) atau Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2015 bagi acara Memanah yang berlangsung di Kompleks Memanah TLDM.

Kejohanan Memanah ini telah berlangsung bermula pada 8 Sep dan berakhir pada 10 Sep 15. Terdapat beberapa kategori yang dipertandingkan iaitu Pusingan Olimpik Individu Recurve Lelaki/Wanita, Pusingan Olimpik Individu Compound Lelaki/Wanita, Pusingan Olimpik Berpasukan Recurve Lelaki/Wanita, dan Pusingan Olimpik Berpasukan Compound Lelaki/Wanita.

Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg Laksamana Madya Dato' Abdul Ghani Othman, Panglima Bantuan. Majlis turut dihadiri oleh Panglima Formasi, Pegawai Memerintah Unit,Pegawai Kanan serta Warga Pangkalan.

Berikut Keputusan Penuh Kejohanan Memanah Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2015:

Johan: TLDM

Naib Johan: TDM

Ketiga: TUDM





Majlis penyampaian hadiah

TLDM JUARAI KEJOHANAN MENEMBAK
SUKAN ANTARA PERKHIDMATAN ATM 2015



Wakil Pasukan TLDM dalam Acara Jatuh Piring Novelti.



Penyampaian Saguhati daripada pihak LEKAS TLDM kepada Pengerusi PMTLDM oleh Mentor P/Laksma Mohd Nazri bin Mansor.

Subang - Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang, Selangor menyaksikan Kejohanan Menembak Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2015 yang berlangsung dengan jayanya mulai 30 Jul hingga 2 Ogos 15.

Persatuan Menembak TLDM (PMTLDM) telah menghantar seramai 42 atlet dan dan dua pegawai teknikal dari PMTLDM ke kejohanan tersebut. Sebanyak 14 acara dipertandingkan merangkumi acara individu dan berkumpulan iaitu 9 acara Lelaki dan 5 acara Wanita.

Memegang gelaran juara 13 tahun berturut-turut bagi kategori lelaki dan 6 tahun berturut-turut bagi kategori wanita dalam Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan sebelum ini bukanlah menjadi alasan untuk PMTLDM berasa selesa, malah terus memberikan persembahan dan persaingan yang mantap baik daripada individu dan juga berkumpulan. Ini terbukti apabila TLDM sekali lagi merangkul juara bagi Pertandingan Menembak sempena temasya sukan pada tahun ini.

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Pengurusan Latihan, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Lembaga Sukan Tentera Darat, YBhg Brigedier Jeneral Dato' Mohamad Khir bin Abdullah. Turut hadir pada Majlis Penutup Kejohanan adalah Mentor Pasukan iaitu P/ Laksamana Pertama Mohd Nazri bin Mansor dan Kepten Hasfa Edi Adra bin Kassim TLDM.



Gambar Kenangan bersama Tim Pengurusan dan Atlet PMTLDM.



Penyampaian Hadiah Johan Keseluruhan Kategori Lelaki dan Wanita.

ISG 2015–TLDM JOHAN KESELURUHAN SEPAK TAKRAW

Oleh: PR Markas Pangkalan Lumut

Lumut - TLDM membuktikan penguasaan hari keempat melalui acara Sepak Takraw apabila merangkul Johan keseluruhan dalam Inter Service Games (ISG) atau Karnival Sukan Antara Perkhidmatan ATM 2015.

Pasukan TDM pula menyandang tempat kedua manakala TUDM di tempat ketiga. Kejohanan Sepak Takraw yang berlangsung di Stadium Tertutup TLDM telah bermula dari 4 Sep dan berakhir 7 Sep 15. Dalam acara tersebut, sebanyak lima kategori telah dipertandingkan iaitu berpasukan, *regu double*, *senior*, veteran dan belia.

Ternyata setiap kategori yang dipertandingkan telah berlangsung dengan begitu sengit di mana setiap pasukan yang mewakili perkhidmatan masing-masing mempamerkan semangat juang yang tinggi.

Upacara Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Panglima Kejuruteraan TLDM, Laksamana Pertama Mohd Nazri Mansor. Majlis turut dihadiri Pegawai Memerintah Unit, Pegawai Kanan serta Warga Pangkalan.

Berikut keputusan penuh bagi semua kategori yang dipertandingkan:

Kategori Berpasukan
Johan: TLDM
Naib johan: TDM
Ketiga: TUDM

Kategori Regu Double
Johan: TDM
Naib Johan: TUDM
Ketiga: TLDM

Kategori Belia
Johan: TDM
Naib Johan: TLDM
Ketiga: TLDM

Kategori Senior
Johan: TUDM
Naib Johan: TDM
Ketiga: TLDM

Kategori Veteran
Johan: TLDM
Naib Johan: TLDM
Ketiga: TUDM

Juara Keseluruhan
Johan: TLDM
Naib Johan: TDM
Ketiga : TUDM





Aksi peserta TLDM dalam acara Accuracy Sport Canopy



TLDM JUARA BOLA TAMPAR ISG

Oleh: PR Markas Pangkalan Lumut

Lumut - TLDM juara lagi dalam Inter Service Games (ISG) 2015 bagi acara Bola Tampar yang berlangsung di Stadium Tertutup TLDM.

Kejohanan Bola Tampar telah bermula pada 9 Sep dan berakhir pada 11 Sep 15. Terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Lelaki dan Wanita. Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg Laksamana Madya Dato' Abdul Ghani Othman, Panglima Bantuan. Majlis turut dihadiri oleh Pegawai Kanan serta Warga Pangkalan.





PENDAYUNG TLDM RANGKUL 2 GELARAN DI KEJOHANAN PENANG INTERNATIONAL DRAGON BOAT FESTIVAL 2015

Oleh: Persatuan Kanu/Mendayung TLDM

Pulau Pinang - Kejohanan Penang International Dragon Boat Festival 2015 telah berlangsung di Teluk Bahang pada 30 hingga 31 Mei 15. Ini merupakan acara tahunan dalam kalendar Kementerian Pelancongan Negeri Pulau Pinang.



Perahu Naga Pasukan TLDM (3 dari kiri) bersedia untuk memulakan kayuhan



Pasukan TLDM berjaya mendapat tempat kedua dalam kategori International Premier Open 100m

Persatuan Kanu/Mendayung TLDM telah menghantar dua pasukan bagi dua kategori yang dipertandingkan. Lebih manis pasukan TLDM telah mendapat naib johan dalam kategori International Premier Open 100 meter dan tempat ketiga dalam kategori Malaysia Premier Open 100 meter.

Penyertaan peserta luar negara seperti Hong Kong, Australia, Brunei, Singapura dan Indonesia membuktikan kemampuan pendayung TLDM mampu bersaing dengan para pendayung di peringkat antarabangsa.



Setiausaha Persatuan Kanu/Mendayung TLDM Lt Kdr Kamid bin Sulaiman TLDM (tiga dari kiri) memegang piala kemenangan bersama pemenang Naib Johan dalam kategori International Premier Open 100 meter



Pengerusi Persatuan Kanu/Mendayung TLDM Kdr Choong Chin Aun TLDM (kiri) memegang piala kemenangan bersama Pasukan Pendayung TLDM yang mendapat tempat ketiga dalam kategori Malaysia Premier Open 100meter



RASA SEKALI NAK LAGI...

Patin Tempoyak KD PAHANG MEMANG MENYENGAT!

Oleh: PW I PRL Normahaily Mohd Nor



Sekiranya anda peminat tegar ikan patin masak tempoyak, pasti seakan satu pemburuan dalam mencari hidangan yang benar-benar sedap dan menepati selera lebih-lebih lagi apabila menjejakkan kaki ke Negeri Pahang.

Bagi penulis, KD PAHANG, kapal TLDM yang bertambat di Tambatan Pangkalan Kuantan, Pahang mungkin salah satu lokasi pilihan. Menjadikan ikan patin masak tempoyak sebagai menu utama apabila kapal menerima kunjungan tetamu kenamaan dari dalam mahupun luar negara, masakan istimewa ini juga seakan menjadi *trade mark* setiap kali kapal menganjurkan sebarang majlis keraian untuk warganya.

Bukan sekadar memuji, hidangan di KD PAHANG yang fokus dalam penyediaan masakan tradisional Melayu terutamanya dari negeri Pahang itu begitu istimewa tambahan kebanyakan masakan merupakan air tangan Pegawai Bekalan kapal (SYO) sendiri, Leftenan Komander (Lt Kdr) Mohd Faizal Ab Aziz TLDM yang merupakan anak jati Temerloh, Pahang. Rasa gulai tempoyaknya yang cukup masam, cukup pedasnya selain kemanisan ikan patinnya yang segar, melengkapkan rasanya.

"Ini merupakan resipi warisan turun-temurun keluarga saya. Kesemua ikan sungai, kita ambil daripada pembekal di Sungai Pahang sendiri bagi menjaga kualiti rasanya," ujar beliau.

Lt Kdr Faizal menambah, ikan patin sememangnya terkenal dengan kandungan vitaminnya yang tinggi dan sangat baik untuk kesihatan. Ikan patin juga mempunyai kandungan gizi yang tinggi. Oleh kerana itu, ikan patin banyak digunakan sebagai sumber protein berkualiti tinggi, vitamin dan juga mineral.

"Kandungan protein dalam ikan patin lebih kaya daripada ikan tawar jenis lain. Sumber protein yang terkandung dalam ikan patin adalah sekitar 23.28% manakala kandungan lemak dalam ikan patin lebih rendah berbanding ikan lain dan baik untuk kesihatan," katanya lagi.





Bahan-bahan:

Ikan Patin Emas - 1 kg
Tempoyak - 200 gram
Cili padi - 20 biji
Kunyit - sepotong
Daun kesum - 3 tangkai
Tomato - 2 biji (dibelah 4)
Garam - secukupnya
Air - 1 liter

Cara-cara membuatnya:

Kisar tempoyak bersama cili padi dan kunyit berserta air. Masukkan bahan yang dikisar bersama daun kesum ke dalam periuk. Masak dengan api yang sederhana sehingga mendidih. Kemudian, masukkan garam, kacau sehingga rata. Seterusnya masukkan ikan patin. Setelah ikan separuh masak, masukkan tomato. Tunggu sehingga masak dan sedia untuk dihidang.



Pegawai Memerintah KD PAHANG, Komander Nikmat Azhar Hj Mahmud TLDM mengutamakan kebajikan anak-anak kapal dalam segala aspek terutama dari segi pemakanan kerana ia menjamin moral anak-anak kapal lebih-lebih lagi semasa dalam pelayaran.

“Saya perlu memastikan setiap anak kapal menikmati sajian yang sihat dan mencukupi sepanjang operasi. Mereka akan makan lima kali sehari iaitu sarapan, tengah hari, minum petang, makan malam dan makan lewat malam.

“Setiap menu berbeza setiap hari bagi mengelakkan rasa jemu dengan hidangan yang disediakan.

Menurut beliau, KD PAHANG mampu menyimpan bahan mentah dan bekalan memasak untuk kegunaan sehingga 21 hari. Tiada istilah kekurangan atau terlebih stok makanan kerana mereka mempunyai jadual dan kapasiti yang dibawa bersesuaian dengan tempoh pelayaran kapal.

Beritahu Kami

Tugas anggota di bawah PBB

Mohon majalah SAMUDERA memaparkan tugas yang dilaksanakan oleh anggota TLDM khasnya dan ATM amnya yang bertugas di luar negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. **– Mohd Sani, Mersing Johor.**

Sejarah unit-unit TLDM

Terima kasih diucapkan kerana majalah ini telah menyingkap sejarah unit-unit TLDM yang secara langsung dapat mengimbau kenangan silam bagi mereka yang pernah berkhidmat di unit-unit tersebut dan dapat juga menceritakan kepada generasi baru. - **Pendekar Laut, Langkawi**.

Cabaran anggota semasa belayar

Saya berminat untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pegawai dan anggota TLDM semasa belayar atau terlibat dengan sebarang operasi. **Ikin, Kuala Lumpur**.

Kejayaan pesara TLDM

Saya mencadangkan majalah SAMUDERA dapat berkongsi kisah bekas anggota TLDM yang berjaya selepas menamatkan perkhidmatan. **Azri anak pesara TLDM, Muar Johor**.

Iklan

Iklan yang bagaimana boleh diiklankan dalam majalah SAMUDERA dan berapa kos untuk penyiaran iklan. **Mohd Akhir, Tawau Sabah**.

Ancaman IS


Dicadangkan agar penulis majalah SAMUDERA menceritakan tentang ancaman IS terhadap negara. ***Navy* Pencen, Merlimau Melaka**.

Kehidupan anggota TLDM di luar waktu bertugas

Majalah SAMUDERA semakin menarik. Syabas diucapkan kepada Sidang redaksi kerana berusaha menjadikan majalah ini sebagai satu tarikan intelek. Saya ingin mencadangkan satu ruangan khas diwujudkan bagi memaparkan kisah kehidupan anggota di luar waktu bertugas. **– Cikgu Fatimah, Kuala Lumpur**.

Kami mengalu-alukan sebarang komen atau cadangan untuk menambahbaik penerbitan majalah ini di masa-masa akan datang. Surat terbaik yang dipilih akan menerima hadiah misteri sebagai tanda penghargaan di atas sokongan anda. Sila hantarkan komen atau cadangan anda ke:

Surat Pembaca
Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Pengurusan Strategik
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
50634 KUALA LUMPUR
Emel: majalahsamuderatldm@gmail.com



SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

SCS

Your *Thinking* Company

System Consultancy Group of Companies:

Prestigious Discovery Sdn Bhd
(286874-W)

Telemetry and SCADA Systems

DK Composites Sdn Bhd
(448908-X)

Design and Fabrication of Advanced Composites materials for Architectural, Marine, Automotive and Aerospace Industries

Digital Aura (M) Sdn Bhd
(308286-T)

Project Management Solutions

IBS Technology Sdn Bhd
(394181-H)

Intelligent Building and Security Systems

Head Office:
System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@scs.my
www.scs.my



TLDM SIAGA
PERAIRAN TERPELIHARA

